

**Bil. 52**

**Selasa  
21 Oktober 1997**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

## KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN** (Ruangan 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 1998 (Ruangan 12)

**USUL:**

Anggaran Pembangunan 1998 (Ruangan 12)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titivangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. A bas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

- Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)

- Yang Berhormat Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

- Yang Berhormat Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasar Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- Yang Berhormat Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)

- Yang Berhormat      Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “                      Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “                      Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “                      Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “                      Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “                      Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “                      Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “                      Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “                      Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “                      Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “                      Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “                      Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “                      Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “                      Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “                      Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala  
Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,  
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.  
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman  
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat  
Puan Nor Hayatee binti Abdullah

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor  
Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT**

Selasa, 21 Oktober 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

**D O A**

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**GURU - KEBAJIKAN DAN PERLINDUNGAN**

1. **Che Ibrahim bin Mustafa** [Sungai Petani] minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah kementerian untuk membela nasib guru khususnya dalam bidang:

- (a) perkhidmatan dan penjawatan; dan
- (b) kebajikan termasuk perlindungan undang-undang daripada sebarang serangan dan tindakan semasa menguatkuasakan disiplin di sekolah.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]**: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk membela nasib guru. Antaranya ialah:
  - (i) menaik taraf Sijil Perguruan kepada Diploma Perguruan Malaysia yang membolehkan guru bukan siswazah menikmati skim gaji yang lebih baik;
  - (ii) melaksanakan konsep kenaikan pangkat sebagai guru cemerlang dan juga pengetua cemerlang;
  - (iii) mengkaji semula penggredan sekolah yang mewujudkan jawatan kenaikan pangkat;
  - (iv) menggalakkan pegawai perkhidmatan bukan siswazah melanjutkan pelajaran ke peringkat siswazah pertama; dan
  - (v) menambah bilangan jawatan kakitangan sokongan di sekolah supaya guru-guru dapat menumpukan penuh perhatian kepada tugas yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.
- (b) Sebagaimana kakitangan kerajaan yang lain, guru-guru juga telah mendapat perlindungan

undang-undang. Selain itu, guru-guru dibekalkan dengan pekeliling-pekeliling iktisas dan peraturan-peraturan tatacara disiplin sebagai rujukan.

**Che Ibrahim bin Mustafa**: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kaum guru banyak kehilangan hak dan faedah sepertimana jika dibandingkan dengan kakitangan kerajaan yang lain disebabkan oleh persekitaran dan suasana pekerjaan yang berbeza, misalnya dari segi elaun perjalanan semasa berkursus, kemudahan pinjaman kerajaan dan juga kemudahan-kemudahan lain yang dinikmati oleh kakitangan kerajaan. Sejauh manakah kementerian sedar dan berusaha untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan ini?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn**: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pendidikan sedar tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru khususnya dibandingkan dengan perkhidmatan-perkhidmatan lain. Justeru itu, Kementerian Pendidikan telah membuat rayuan kepada agensi-agensy yang lain supaya skim perkhidmatan guru-guru itu dapat lebih dinaikkan. Hasil daripada rayuan Kementerian Pendidikan, kita telah dapat memperbetulkan atau menaikkan perkhidmatan guru dari beberapa segi. Contohnya, untuk membolehkan guru-guru yang menjalankan tugas rasmi membuat tuntutan perjalanan, kerajaan telah bersetuju menambah peruntukan bagi tujuan ini sebanyak RM14.5 juta.

Selain dari itu juga, baru-baru ini dalam Belanjawan, kerajaan telah bersetuju ada satu tabung khas sebanyak RM100 bilion untuk membolehkan guru-guru mendapat pinjaman membeli kereta, membeli komputer dan sebagainya. Semua itu adalah hasil dari rayuan Kementerian Pendidikan kepada pihak-pihak tertentu dan kita juga ingin mengucapkan berbilang terima kasih supaya rayuan Kementerian Pendidikan telah dapat persetujuan yang baik dan Kementerian Pendidikan akan terus tentukan bahawa perkhidmatan guru-guru ini, dari segi kebolehan kerajaan, akan terus diperbaiki.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman**: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya kira pihak kerajaan telah menyediakan pelbagai keperluan dan kebajikan termasuk perlindungan undang-undang untuk membela nasib guru-guru. Namun demikian, baru-baru ini saya difahamkan pihak kesatuan guru telah menubuhkan tabung litigasi atau litigation fund, dengan izin. Dengan penubuhan tabung ini, ia

menunjukkan seolah-olah perlindungan undang-undang yang disediakan oleh kerajaan belum mencukupi. Justeru itu, saya ingin tahu apakah pandangan kementerian dalam hal ini?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pendidikan mengucapkan terima kasih kepada persatuan kalau mereka ingin mengadakan tabung-tabung untuk memberi bantuan dan sokongan kepada guru-guru. Tetapi sebagai sebuah kerajaan atau kementerian yang bertanggungjawab, memang kita ada peruntukan dan ada peraturan untuk memberi perlindungan yang cukup kepada guru-guru dari segi undang-undang dan dari segi apa-apa aspek. Kalau guru-guru kita berfungsi sebagai guru-guru dan mengikut peraturan-peraturan yang telah kita tetapkan, mereka bukan sahaja tidak payah bimbang tetapi mereka boleh terus berfungsi sebagai guru yang berkesan, yang menjaga nasib anak-anak kita. Kementerian Pendidikan adalah selalunya bukan sahaja di belakang mereka tetapi juga di depan mereka supaya mereka boleh dapat penghargaan daripada masyarakat dan juga dapat perlindungan dari segi undang-undang dan sebagainya.

#### **BARANGAN IMPORT DIGUNAKAN OLEH SEKTOR SWASTA - GARIS PANDUAN**

2. **Tuan Lim Siang Chai [Petaling Jaya Selatan]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada kerajaan bercadang menghasilkan satu garis panduan khas untuk sektor swasta supaya mereka mengurangkan tahap penggunaan barang import yang tinggi dalam projek-projek pembangunan mereka; dan
- (b) sekiranya "ya", sila nyatakan sektor yang mungkin terlibat serta jenis aktiviti pembangunan dan pembinaan yang akan terpengaruh akibat pelaksanaannya.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya Selatan bersama-sama dengan soalan-soalan Ahli Yang Berhormat dari Ledang, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching yang dijadualkan dijawab pada 14 dan 21 Oktober, dan Ahli Yang Berhormat dari Seremban yang dijadualkan dijawab pada 23 Oktober 1997 secara serentak memandangkan soalan-soalan itu adalah pada perkara yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Baiklah.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, penurunan nilai Ringgit mempunyai dua kesan terhadap eksport:

- (i) disebabkan lebih kurang 70% daripada eksport negara diniagakan dalam Dolar Amerika Syarikat, pendapatan eksport dalam nilai Ringgit akan meningkat; dan
- (ii) eksport negara akan lebih kompetitif di pasaran dunia berbanding dengan eksport barangan negara-negara yang mata wangnya telah meningkat berbanding dengan Ringgit. Sebaliknya eksport negara akan kurang kompetitif berbanding dengan negara-negara yang mata wangnya telah merosot lebih ketara berbanding dengan Ringgit.

Penurunan nilai Ringgit juga mempunyai dua kesan terhadap import:

- (i) disebabkan 75% daripada import negara diniagakan bukan dalam Ringgit, harga import akan meningkat terutamanya dari negara-negara yang mata wangnya telah meningkat berbanding dengan Ringgit;
- (ii) kenaikan harga import akibat daripada penurunan nilai Ringgit akan menyebabkan pengimport mengurangkan import atau mencari sumber import yang lebih murah terutama daripada negara yang mata wangnya telah merosot berbanding dengan nilai Ringgit.

Dari perangkaan perdagangan bulan Ogos 1997, kita dapat perhatikan kesan penurunan nilai Ringgit terhadap eksport dan import negara. Pada bulan berkenaan, nilai Ringgit telah merosot berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat sebanyak 6.4% jika dibandingkan dengan kedudukan pada bulan Julai 1997. Penurunan nilai Ringgit ini telah disusuli dengan peningkatan eksport pada bulan Ogos sebanyak 12.8% berbanding dengan eksport pada bulan Julai 1997. Sebaliknya import hanya meningkat sebanyak 10.1% dalam tempoh pertandingan yang sama. Hasilnya, Malaysia mencatat lebih perdagangan sebanyak RM1.2 bilion pada bulan Ogos 1997.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan pergantungan negara terhadap barangan import. Sungguhpun ketika ini kerajaan tidak bercadang memperkenalkan satu garis panduan khas untuk sektor swasta supaya mereka

mengurangkan tahap penggunaan barang import. Kerajaan harap mereka akan berusaha mengeluarkan barangan pengganti dalam negeri di samping meningkatkan penggunaan komponen buatan tempatan dalam proses pengeluaran mereka. Sekiranya input berkenaan terpaksa diimport, mereka hendaklah mendapatkannya daripada sumber yang lebih murah terutamanya negara-negara pembekal yang mana mata wang mereka mengalami susut nilai berbanding dengan Ringgit.

Di samping itu, sebagai seorang pengguna, setiap rakyat negara ini juga hendaklah mengambil langkah mengurangkan pembelian barang-barang mewah khususnya yang diimport dari luar negeri. Sekiranya segenap lapisan masyarakat berusaha menggunakan barangan tempatan dan sektor swasta meningkatkan keupayaan menghasilkan barangan bagi menggantikan import, kerajaan yakin usaha-usaha ini bersama-sama dengan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan akan membolehkan semua jenis import negara dikurangkan lagi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sama ada beliau sedar bahawa ekoran krisis ekonomi yang melanda negara, banyak peniaga telah menghadapi kesusahan untuk mengutip hutang-hutang atau kredit yang mereka berikan kepada pelanggan-pelanggan mereka. Apakah usaha yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini, lebih-lebih lagi sungguhpun Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan Belanjawan yang dikatakan akan pulihkan ekonomi tetapi usaha ini nampaknya akan gagal apabila dana-dana wang asing, khususnya daripada Amerika Syarikat, enggan membuat sebarang pelaburan dalam Malaysia ekoran ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap angkara Yahudi yang ingin menjahanamkan ekonomi negara kita. Apakah langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

Akhirnya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyatakan sama ada pihak kerajaan bercadang untuk meminta satu pakatan atau satu kumpulan daripada negara Jepun ataupun negara China dan bersama juga dengan Sultan Brunei untuk membuat suntikan kewangan ke dalam Malaysia untuk menyelamatkan ekonomi negara kita memandangkan Amerika Syarikat sekarang tidak berminat lagi untuk melabur di Malaysia ekoran ucapan angkara Yahudi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Melaka meminta saya memberi cadangan untuk dapat menolong ahli-ahli perniagaan individu. Bagi kerajaan, ini adalah satu daripada hasil penurunan nilai mata wang yang bukan sahaja ahli perniagaan yang merasai akibat negatifnya malah seluruh rakyat merasai akibat negatifnya. Kalau kerajaan mewujudkan satu program hanya hendak menolong orang-orang yang telah pun kaya ini, jadi tidak berapa begitu adil untuk kita menolong orang kaya. Orang kaya pada masa dia mendapat laba ataupun kelebihan, dia sepatutnya simpan untuk hari hujan seperti begini. Jadi, jawapan saya ialah kerajaan tidak ada satu program khas untuk menolong ahli-ahli perniagaan ini malah kita mengharapkan mereka menyusun semula penggunaan sumber-sumber mereka supaya mereka dapat untung yang lebih apabila keadaan dibaiki.

Mengenai dengan Yang Berhormat mencadangkan supaya kita meminta sahabat-sahabat dari negara China, Jepun dan Brunei di dalam usaha pihak kerajaan untuk memastikan ataupun membawa balik keyakinan ke dalam pasaran kita, sememang kita bukan tuju kepada Amerika Syarikat ataupun Eropah Barat sahaja malah kita tuju keseluruhan dunia yang mana elemen-elemen sentimen sepertimana Yang Berhormat kata tadi kumpulan-kumpulan yang ingin melihat kita rosak, tidak merupakan satu kumpulan sahaja. Kumpulan yang ingin melabur di sini yang hendak mengasaskan pelaburan mereka ke atas kekuatan fundamental kita sedang dipanggil dan kita sedang berhubung dengan mereka. Insya-Allah, apabila mereka datang, tidaklah perlu kita bergantung kepada pihak Amerika Syarikat sahaja yang dikuasai oleh segolongan orang-orang yang sedang melakukan sesuatu untuk merosakkan nilai mata wang.

Malah, Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan-jawapan saya yang lalu, saya tekankan bahawa satu daripada strategi kerajaan ialah untuk mempertingkatkan lagi tabungan negara yang mana tabungan negara kita sekarang 39.8% daripada KNK, merupakan satu tahap yang cukup tinggi dibandingkan dengan negara-negara lain di dunia tetapi kita hendak mempertingkatkan lagi, guna membolehkan kita menggunakan sumber kita sendiri selain daripada kita bergantung kepada sumber luar yang mendedahkan kewangan negara dan ekonomi negara kepada sumber luar. Apabila kita terlalu terdedah kepada sumber luar, seperti yang berlaku dahulu, maka apabila orang luar mengadakan satu

komplot ataupun mengadakan satu aktiviti, maka kita terjejas. Jadi, inilah strategi yang pihak kerajaan adakan untuk membaiki keadaan-keadaan yang negatif sekarang.

Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mencadangkan supaya kita menumpukan kepada China, Jepun, malah Sultan Brunei sekalipun dan kalau boleh kita hendak tumpukan kepada Petro Dollar di Timur Tengah (Middle East), kalau boleh, semuanya kita minta datang.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengalukan tindakan kerajaan untuk seberapa daya kita menghalang atau menyekat sebab kita banyak import dan menggunakan bahan-bahan tempatan. Persoalannya, kita sendiri patut bertanya diri kita berapa banyak kita gunakan barang tempatan dalam tubuh badan kita.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan Arthur Anderson dari segi fokus budget Malaysia pada tahun 1998 ini, bayaran perkhidmatan (service). Kita mungkin akan berbelanja lebih kurang RM18.35 bilion. Jadi, saya hendak bertanya Timbalan Menteri ini, apakah tindakan kerajaan untuk kalau seboleh-bolehnya mengurangkan seberapa banyak perkhidmatan daripada pakar-pakar luar ini. Kita tidak perlu pakar-pakar luar kerana kita mempunyai gunatenaga, expertise yang banyak dalam negara kita ini. Contohnya, syarikat Jepun bila datang ke sini, semua hendak pakai benda Jepun, bukan setakat barang, daging - daging Jepun, ikan - ikan Jepun itu makanan, tetapi consultant dia itu pun Jepun, kadang-kadang di negeri dia itu dia hanya jadi wireman sahaja, datang ke sini sudah cukup tinggi, tetapi kerana dia Jepun, kita ingat dia bagus.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, soalnya?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Soalnya, [Ketawa] - yang ini mukadimah, Tuan Yang di-Pertua. Soalnya, sebab Timbalan Menteri pun jawab panjang, jadi saya hendak bertanya panjang sedikit. Soalnya, apakah tindakan kerajaan di masa akan datang ini untuk menyekat pengaliran wang kita keluar melalui perkhidmatan. Tadi kita kata belanja barang-barang import, tetapi ini dari segi servis, apakah tindakan kerajaan? Dan apakah tindakan kerajaan kepada syarikat-syarikat yang sedang berusaha niaga di sini yang menggunakan pakar-pakar luar di dalam perniagaan mereka ini tanpa menghirau dan menghormati pakar-pakar dalam negeri kita ini?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada sahabat saya dari Yan. Memanglah masalah kita satu daripada fundamental ekonomi kita yang agak tidak berapa kukuh ialah defisit akaun semasa yang disebabkan oleh dua akaun, iaitu akaun perkhidmatan dan akaun perdagangan. Akaun perdagangan kita telah menunjukkan kelebihan yang agak banyak juga pada tahun lepas, dan akaun perkhidmatanlah yang membawa kejatuhan ataupun membawa kepada negatifnya akaun semasa kita.

Saya tidak tahu Yang Berhormat dapat angka itu daripada mana - itu Yang Berhormat baca buku Arthur Anderson. Kalau Yang Berhormat baca ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada hari Jumaat yang lalu, dalam ucapan itu dikatakan bahawa pada tahun hadapan defisit akaun semasa akan turun kepada RM4.6 bilion, iaitu akan turun daripada RM5 bilion dan ianya akan merupakan satu tahap yang boleh diterima, iaitu 4.5% daripada KDNK yang mana ini adalah hasil kebolehan kita menurunkan defisit akaun semasa daripada 8-9% pada empat tahun yang lalu sehingga kepada 4.5%, insya-Allah, pada tahun hadapan, menunjukkan bahawa usaha kerajaan untuk mengatasi masalah ini telah pun berkesan. Jadi, Yang Berhormat jangan bimbang kerana dahulu kita ada satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri untuk memastikan bahawa akaun perkhidmatan ini dapat dkecilkan defisitnya, malah ia akan dipertingkatkan. Ianya mengambil masa, satu daripadanya ialah penubuhan Labuan Re-Insurance dan lain-lain lagi, selain daripada penggunaan barang-barang tempatan.

Sepertimana Yang Berhormat kata bahawa sebahagian besar daripada pengaliran keluar yang menyebabkan defisit ini ialah pembayaran kepada kepakaran luar. Jadi, ini pun sedang diambil tindakan oleh pihak kerajaan. Kita meneliti segala pemberian kerja-kerja expertise. Tetapi jikalau expertise itu tidak wujud dalam negara, kita terpaksa juga mengambil orang luar tetapi kita akan pastikan bahawa seminimum input dari luar ini diambil supaya diadakan counterpart, supaya ada kita katakan transfer of technology kepada orang tempatan dan akhirnya orang tempatan akan mempunyai kepakaran yang dahulu tidak ada. Jadi, inilah sebahagian daripada langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Tuan Chiew Chiu Sing.

*[Soalan No. 3 - Y.B. Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu] tidak hadir]*

**KORPORAT BUMIPUTERA MEMBANTU  
GOLONGAN BAWAHAN - GALAKAN**

4. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) sejauh manakah ahli-ahli korporat bumiputera yang berjaya, benar-benar membantu golongan bumiputera bawahan dan sederhana dalam membangunkan ekonomi mereka; dan
- (b) apakah tindakan kerajaan terhadap golongan korporat bumiputera yang mengalibaba dan menjualkan terus projek-projek yang diberikan kepada mereka.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian sememangnya menggalakkan ahli-ahli korporat yang telah berjaya membantu dan membimbing syarikat-syarikat kecil dan sederhana. Hasil daripada perasaan kesyukuran dan tanggungjawab sosial, banyak syarikat bumiputera yang berjaya telah tampil untuk membantu dan membimbing syarikat-syarikat bumiputera yang kecil dan sederhana. Pada masa ini terdapat sejumlah 28 syarikat besar atau mentor yang berdaftar di kementerian dan sedang memberi khidmat bimbingan kepada 155 usahawan kecil yang dipanggil mentee. Namun begitu, tidak semestinya syarikat-syarikat besar lain yang tidak berdaftar dengan kementerian tidak membantu usahawan kecil dan sederhana bumiputera. Mereka mungkin ada memberi khidmat bimbingan dalam lain-lain bentuk bantuan dengan cara mereka sendiri. Sehubungan dengan itu juga, satu kerjasama sedang diwujudkan di antara kementerian dengan Dewan Perniagaan Melayu untuk melahirkan usahawan-usahawan menggunakan model Paremba, School of Management.
- (b) Sebagai tindakan ke atas golongan korporat bumiputera, khususnya kontraktor awam dan elektrik, yang mengalibabakan pengurusan syarikat atau menjualkan terus projek-projek yang diberikan kepada mereka, kerajaan telah menarik balik pengiktirafan taraf bumiputera syarikat-

syarikat berkenaan. Setakat Januari 1996 hingga September 1997, sebanyak 374 syarikat telah ditarik balik pengiktirafan bumiputera kerana tidak mematuhi Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4/95. Dari jumlah tersebut, 225 atau 60% ditarik balik pengiktirafan bumiputera kerana mengalibabakan atau menjualkan projek kepada bukan bumiputera. Syarikat-syarikat ini secara automatik tidak lagi mendapat keistimewaan dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan untuk syarikat-syarikat yang bertaraf bumiputera.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Yang Berhormat sedar bahawa terdapat banyak SEDC atau Syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri yang mana mereka ini salah satu daripada fungsinya adalah untuk membantu dan juga membanyakkan golongan bumiputera di dalam perdagangan, perindustrian dan sebagainya tetapi banyak perbadanan kemajuan negeri ini telah menubuhkan anak-anak syarikat yang menjadi daya saing kepada bumiputera itu sendiri. Kadang-kadang terdapat setengah-setengah proposal ataupun cadangan yang dibuat oleh golongan individu bumiputera, kemudian disampaikan kepada SEDC, kemudian permohonan itu terbengkalai begitu sahaja, kemudian dalam sedikit masa SEDC itu sendiri menjalankan aktiviti sepertimana yang dicadangkan oleh individu bumiputera. Jadi, apakah tindakan kementerian berhubung dengan penyelesaian masalah ini?

**Tuan Idris bin Jusoh:** Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Sungai Benut. Sememangnya kementerian sedar tentang amalan-amalan yang sedang dilakukan oleh setengah-setengah daripada syarikat SEDC, sebab itulah pada 27 haribulan ini kementerian akan berjumpa dengan pihak-pihak SEDC untuk pastikan amalan-amalan yang kurang sihat ini tidak akan berterusan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dengan penglibatan ahli-ahli korporat kita. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri ini, kadang-kadang tokoh-tokoh korporat kita ini bila mereka berjaya di dalam bidang perniagaan dan perindustrian dengan bantuan kerajaan, mereka kadang-kadang melupai jasa dan budi kerajaan - bila kita kata 'kerajaan' itu rakyatlah. Jadi, adakah pihak kementerian juga memahami bahawa ini adalah salah satu masalah di mana mereka ini tidak tahu mengenang dan membalas budi.

Jadi, selain daripada alibaba dan sebagainya, adakah pihak kementerian juga akan menyenaraihitamkan tokoh-tokoh ini supaya mereka tidak akan diberi lagi peluang-peluang di masa yang akan datang kerana kadang-kadang peluang yang diberi itu mereka tidak gunakan sebaik mungkin dan tidak tahu membalas budi, terutama sekali apabila kerajaan kita menghadapi masalah tekanan daripada dunia luar, ada tokoh-tokoh ini menunjuk jari kepada kepimpinan kita mengatakan pemimpin kita tidak perlu bercakap, pemimpin kita sepatutnya diam. Ini adalah tokoh-tokoh yang mendapat nikmat daripada skim penswastaaan, daripada kemajuan negara kita ini. Adakah pihak kementerian akan menyenaraihitamkan nama mereka ini dan tidak akan lagi memberi peluang kepada mereka untuk mendapat nikmat daripada hasil kekayaan negara kita ini di masa-masa yang akan datang.

**Tuan Idris bin Jusoh:** Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Yan. Sebenarnya, sebagaimana yang telah saya katakan tadi, memang sebahagian besar daripada ahli korporat kita merasa syukur dan bertanggungjawab terhadap usahawan-usahawan yang kecil dan sederhana, tetapi walau bagaimanapun, memang ada di dalam kalangan itu yang kurang syukurnya, yang kurang tanggungjawab sosialnya. Insyallah, kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Kewangan sebab yang besar-besar ini biasanya di bawah Kementerian Kewangan - kita yang kecil-kecil sedikit, supaya mereka ini tidak akan diketengahkan ataupun dengan lain perkataan, kalau dikatakan 'senaraihitam' pun bolehlah.

#### NILAI RINGGIT - JUMLAH KERUGIAN AKIBAT KEJATUHAN

**5. Tuan Paul Noutin [Penampang]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kerugian sebenar dialami negara kita akibat kejatuhan nilai ringgit melalui pertukaran mata wang asing; dan
- (b) jika langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menstabilkan nilai mata wang Ringgit itu berkesan dan apakah jangka masa yang diperlukan dalam usaha itu.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab soalan ini pada minggu lepas dengan soalan-soalan yang lain dan saya bersedia mengambil soalan-soalan tambahan pada hari ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, kita diberitahu dalam Belanjawan 1998 bahawa rizab

negara pada 30 September 1997 masih tinggi berjumlah RM61.9 bilion yang boleh membiayai 3.7 bulan import tertangguh, yang bererti bahawa nilai sebulan import tertangguh ialah RM16.73 bilion. Bukankah perkiraan ini diambil atas asas nilai Ringgit Malaysia ialah RM2.50 kepada AS\$1.00 dan bukan perubahan yang sudah buat, sudah berlaku di mana hari ini nilai Ringgit ialah AS\$1.00 kepada RM3.34 yang meningkat lebih daripada 20%. Kalau ada ambil perkiraan pertukaran ini, bukankah bererti bahawa sebenarnya import tertangguh sebulan bukan lagi RM16.73 bilion tetapi RM20.1 bilion dan rizab yang kita ada, angka yang digunakan, barulah boleh untuk 3.1 bulan retained imports.

Bukankah benar dalam masa krisis kewangan ini bahawa rizab sudah turun lebih rendah oleh kerana Bank Negara dalam krisis itu ada umumkan bahawa dalam dua minggu sudah hilang RM8 bilion. Dan bukan sahaja Bank Negara hilang RM8 bilion, bukankah benar bahawa Bank Negara pun harus.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Soalan, soalan!

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa itu? Bukankah benar bahawa Bank Negara pun ada suntikan lebih kurang RM20 bilion kepada pasaran. Kalau begitu, rizab mungkin RM40 bilion untuk dua bulan retained imports.

Dan adakah Bank Negara dalam masa ini untuk memperkukuhkan rizab, beli US Dollar untuk mengukuhkan rizab. Kalau beli US Dollar, jual Ringgit besar-besaran untuk memperkukuhkan, untuk build up, memulihkan rizab dan sell US Dollar adalah satu jenayah yang dituduh terhadap George Soros.

Apakah amaun yang digunakan untuk Bank Negara memperkukuhkan rizab dalam masa ini, berapa US Dollar.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ini ucapan atau soalan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Berapa jumlah Ringgit dijual? Oleh kerana ini mustahak bahawa Dewan yang mulia ini dan negara diberi laporan harian mengenai kedudukan rizab, dan apakah kedudukan rizab hari ini?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang tadi, hujahnya kalau diambil daripada permulaannya itu betul. Tetapi Yang Berhormat Ketua Pembangkang lupa bahawa rizab kita disimpan bukan di dalam Ringgit, rizab kita disimpan

dalam US Dollar dan juga di dalam Pound. Jadi, jikalau rizab kita disimpan di dalam US Dollar, kalau sekarang diconvertkan mengikut keadaan kadar sekarang, maka rizab kita akan melebihi RM61.9 [Tepuk], ianya akan menjadi RM70 bilion, kalau diconvertkan. Jadi, angka yang disebut tadi RM61.9 bilion adalah berasaskan kepada conversion daripada US Dollar pada masa itu dengan RM2.52. Jadi, kalau dikira sekarang, Yang Berhormat, semalam RM3.32 mungkin, ianya akan melebihi. Jadi, kalau hendak dikira dari segi sensitiviti Yang Berhormat minta tadi, kalaulah apa Yang Berhormat kata tadi betul, sustain import kita akan menjadi 3.1 bulan, ini masih lagi selamat. Mengikut conventional wisdom ahli-ahli ekonomi, tiga bulan boleh dikatakan selamat. Tetapi apa yang dikira oleh Yang Berhormat tadi adalah kalau mengikut daripada mula premis Yang Berhormat ambil itu betul, tetapi sebenarnya Yang Berhormat kena pergi ke depan lagi, iaitu rizab kita disimpan di dalam Dolar Amerika, bukan disimpan dalam Ringgit.

Yang kedua, mengenai dengan permintaan Yang Berhormat, meminta saya memberi angka-angka Bank Negara ini, saya minta maaf tidak boleh beri sebab kita sekarang mengadakan beberapa strategi di dalam rizab kita. Kalau kita beri angka-angka ini, maka musuh-musuh kita akan mengetahui tentang kedudukan Ringgit dan ianya akan menjadi satu ancaman bagi kita. Kalau Yang Berhormat hendak tahu secara confidential, bolehlah tanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Untuk saya mengeluarkan secara umum pada hari ini, tidak kena pada masanya.

Mengenai dengan pembinaan rizab, memang kerajaan sekarang ini cuba membina rizab kita, meningkatkan lagi, kerana rizab simpanan luar tiap-tiap satu negara membayangkan kekuatan negara itu. Jadi, kita mesti berbelanja mengikut rizab yang ada pada kita. Jadi, inilah yang sedang dilakukan. Yang Berhormat sedia maklum bahawa tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan pada masa ini selain daripada mengurangkan defisit akaun semasa, akan juga mengukuhkan dan menambahkan lagi rizab simpanan luar negara.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, hingga ke hari ini nilai mata wang kita masih terus jatuh walaupun selepas Belanjawan dibentangkan. Jadi, saya ingin tahu apakah langkah-langkah kerajaan selanjutnya untuk memulihkan kedudukan nilai mata wang kita dalam tempoh yang terdekat ini?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, bagi kita yang memahami ilmu

ekonomi, sebenarnya tidak ada sebab mengapa nilai mata wang kita harus terus jatuh kerana mengikut fundamental asas-asas ekonomi telah pun kuat dan juga Belanjawan yang dibentangkan pada hari Jumaat yang lalu adalah belanjawan yang kukuh, yang akan memastikan kelemahan kita akan dibaiki. Jadi, sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, pada masa Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan pada hari Jumaat pun pasaran kewangan di London dan New York dilambaknya Ringgit. Dalam tidak habis lagi mendengar belanjawan pun, dilambaknya Ringgit. Jadi, persoalan sekarang ialah persoalan sentimen dan persoalan usaha-usaha setengah pihak untuk menjejaskan ekonomi kita.

Jadi, pada masa ini kerajaan telah pun mengambil tindakan-tindakan tertentu. Persoalannya sekarang, ialah persoalan kita dengan mereka 'eye ball to eye ball', dengan izin, yang mana kita akan bertahan dengan kekuatan fundamental kita. Setakat mana yang mereka hendak bertahan, itu kita tidak tahulah. Insya-Allah, dengan adanya kekuatan fundamental kita, pembaikan fundamental yang tidak kuat dan juga strategi yang digariskan di dalam belanjawan, insya-Allah, kedudukan mata wang kita akan dapat dipulihkan semula di sekitar kekuatannya di dalam tiga ataupun empat bulan yang lalu.

#### PEMANDU TEKSI - LANGKAH MENDISIPLINKAN

6. **Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) apakah langkah ke arah mendisiplinkan pemandu teksi dan KPA lain agar perkhidmatan mereka benar-benar dapat memuaskan hati penumpang memandangkan sikap sebahagian pemandu KPA ini yang masih buruk; dan
- (b) adakah kementerian bercadang untuk mengkaji semula syarat-syarat pemberian permit KPA dan kenderaan perdagangan agar lebih mudah dan terbuka, dan nyatakan jumlah pengeluaran permit semua jenis mengikut negeri hingga Jun 1997, dan berapa sasaran pengeluaran permit hingga tahun 2000.

**Tuan Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Beberapa langkah telah dan sedang diambil oleh kementerian khususnya LPKP bagi meningkatkan perkhidmatan teksi di Lembah Kelang. Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:

(i) mengadakan penguatkuasaan terhadap pemandu yang melanggar peraturan pelesenan dengan memberi tumpuan kepada tiga kesalahan:

- pemandu enggan mengambil penumpang;
- pemandu tidak menggunakan meter bagi tujuan perkiraan tambang; dan
- pemandu mengenakan tambang berlebihan.

Setakat ini sehingga September 1997, 138 lesen telah dibatalkan, 1 telah digantung dan 16 kes telah diberi amaran;

(ii) mewajibkan kursus lanjutan kepada pemegang lesen PSV dan pemandu teksi di Lembah Kelang;

(iii) mendaftarkan semua pemandu di Lembah Kelang dengan LPKP bagi membolehkannya membuat perancangan dan penguatkuasaan yang lebih efektif;

(iv) memakai pakaian seragam;

(v) mempamerkan kadar tambang dan kad pengenalan pemandu di dalam teksi;

(vi) mengadakan borang pujian/aduan dalam teksi;

(vii) mengadakan piagam pemandu; dan

(viii) mengadakan anugerah pemandu cemerlang.

(b) Usaha sedang dilakukan oleh Kementerian untuk mengkaji semula syarat dan prosedur pelesenan supaya ianya lebih mudah dan mempercepatkan proses permohonan. Ini termasuk mereka bentuk sistem berkomputer bagi tujuan memproses dan mewujudkan pengkalan data yang lengkap.

Jumlah pengeluaran permit yang dikeluarkan adalah mengikut keperluan semasa. Jumlah pengeluaran permit meliputi 13 jenis kenderaan pengangkutan dan perdagangan dan jumlah sehingga kini ialah 251,904 lesen kesemuanya. Pecahan mengikut negeri akan dihantar kepada Yang Berhormat secara bertulis.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik kepada soal langkah yang telah diperkenalkan oleh Kementerian melalui LPKP untuk mendisiplinkan pemandu termasuklah memberikan

kursus lesen perkhidmatan awam kepada pemandu-pemandu. Setakat hari ini saya ingin tahu berapa ramai pemandu-pemandu di Lembah Kelang khasnya yang telah diberikan latihan dan kursus PSV ini dan berapakah jumlah bayaran yang telah dikenakan dan tempoh untuk sesuatu kursus itu dibuat. Di samping syarat tentang bas kilang yang telah dikenakan selama ini, saya ingin tahu adakah sebenarnya syarat-syarat bas kilang itu tidak membenarkan ianya dijadikan bas untuk dichartered ataupun digunakan oleh sekumpulan orang yang menyewa bagi dibawa untuk tujuan rombongan. Apakah syarat itu sebenarnya syarat ataupun hanya karehah daripada pihak JPJ sahaja yang tidak membenarkan pelesen-pelesen bas kilang menggunakan bas berkenaan untuk tujuan rombongan.

**Tuan Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini hampir 200 pemandu telah menjalani kursus lanjutan PSV di bawah Kementerian dan tempoh masa yang dikenakan ialah 48 jam kesemuanya dan bayaran untuk setiap kursus ialah RM220.

Untuk bas kilang yang hendak dicharter itu, saya rasa mungkin ini perlu dinilai mengikut kes-kes tertentu supaya ianya tidak disalahgunakan.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semenjak pembekuan pengeluaran permit teksi dan kenderaan perdagangan dibuka semula oleh Kementerian, izinkan saya bertanya, setakat ini apakah kriteria dan perancangan Kementerian untuk mempersiapkan sistem teksi yang mencukupi bagi keperluan meliputi kawasan KLIA yang baru dan juga menentukan keperluan teksi di musim Sukom 1998 yang akan datang.

**Tuan Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan kawasan Sepang ataupun KLIA juga diberi perkhidmatan teksi yang baik, Kementerian telah membesarkan kawasan Lembah Kelang untuk meliputi kawasan KLIA juga.

Untuk memastikan masa Sukom adanya perkhidmatan teksi yang mencukupi, penambahan dibuat dari masa ke semasa kepada pengusaha-pengusaha yang berkaliber. Baru-baru ini 850 permit teksi telah dikurniakan kepada 8 syarikat yang berwibawa dan seterusnya kita akan menambah lagi jika didapati ada lagi syarikat-syarikat sedia ada yang berwibawa. Dan satu perbincangan dengan Petronas sedang dibincangkan untuk membawa satu perkhidmatan teksi khas yang lebih besar sedikit, mungkin bentuk premium, untuk memastikan kita tidak akan ada masalah semasa Sukom dijalankan.

## PERKESO - JUMLAH PELABURAN

7. Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) berapakah jumlah ringgit dan peratusan tabungan PERKESO yang telah digunakan untuk tujuan pelaburan. Apakah portfolio atau jenis-jenis pelaburan tersebut sehingga kini; dan
- (b) apakah hasil, sama ada baik atau buruk, daripada aktiviti pelaburan tabungan PERKESO sehingga kini.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan:

- (a) Untuk tempoh berakhir pada 31 Disember 1996, tabung wang atau aset Pertubuhan Keselamatan Sosial atau PERKESO adalah berjumlah RM5.22 bilion dan dana pelaburannya pula ialah RM5.05 bilion. Ini bermakna PERKESO telah menggunakan 96.71% tabung wangnya untuk pelaburan. Bagi tempoh berakhir pada 30 September 1997, jumlah tabung wang PERKESO telah meningkat kepada RM5.78 bilion dan dana pelaburannya juga telah meningkat kepada RM5.61 bilion, iaitu 98.6% daripada tabung wangnya.

Sehingga kini jenis-jenis pelaburan PERKESO adalah Sekuriti Kerajaan Malaysia, Simpanan Khas Bank Negara Malaysia, Bon Cagamas, Bon Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Pinjaman Jangka Panjang, Simpanan Tetap, Sijil Deposit Boleh Niaga, Deposit Jangka Pendek, Bon Islam Perwaja, Bon Islam Khazanah dan Saham Keutamaan Terbitan Plus Berhad.

- (b) Hasil aktiviti pelaburan tabung PERKESO sehingga kini adalah baik. Untuk tempoh berakhir 31 Disember 1996 sebanyak RM362.04 juta pendapatan pelaburan (realised return) telah diterima oleh PERKESO di mana kadar pulangan pelaburan adalah 8.04%. Untuk tempoh berakhir pada 30 September 1997 pula, pendapatan pelaburan adalah sebanyak RM296.05 juta dengan kadar pulangan pelaburan 6.91% (annualised).

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, dan timbul soalan ini sebab saya tengok Bangunan

PERKESO di Jalan Ampang cukup besar, selepas itu hari ini dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri bercakap tentang pelaburan begitu banyak. Saya ingin tahu apakah caruman kebajikan kepada pekerja-pekerja ini, sebab saya tahu ahli-ahli yang bayar kepada PERKESO ini adalah pekerja-pekerja bukan pegawai-pegawai atasan, tetapi pekerja-pekerja yang gajinya tertentu. Jadi, apakah kebajikan yang diadakan oleh PERKESO ini kepada pekerja-pekerja, saya tengok bangunan besar sangat, jadi duit pekerja ini pergi sama ada kena pada sasarannya atau tidak, selain daripada buat bangunan dan pelaburan ini.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, dari jenis pelaburan yang telah saya nyatakan tadi, jelas terbukti bahawa PERKESO mengamalkan satu dasar yang terlalu berjaga-jaga (conservative) dalam pelaburannya. Bermakna, kalau kata mereka ini boros, memang tidak ada langsung, sebaliknya terlalu berjaga-jaga sehingga pulangan mereka pada kadar 8-9% sahaja.

Tentang faedah yang diberi kepada pekerja-pekerja yang mungkin dapat kemalangan, adalah terlalu banyak untuk saya nyatakan satu persatu, tetapi memadai saya menyatakan bahawa jumlah faedah yang dibayar kepada pekerja-pekerja dalam tahun-tahun kebelakangan ini adalah sekitar RM300 juta setiap tahun. Jadi bermaknanya, terpaksa PERKESO berjaga-jaga dalam membuat pelaburan yang bijaksana supaya mereka dapat membayar wang yang begitu banyak.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak PERKESO bercadang untuk membuat pelaburan dalam BSKL, sepertimana KWSP telah jalankan. Kalau PERKESO bercadang berbuat demikian, apakah garis panduan yang akan diikuti dan adakah ia terhad kepada saham-saham pemegang amanah atau terbuka kepada semua saham yang disenaraikan dalam BSKL?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, PERKESO memang ada satu investment council yang memang cekap, terdiri daripada orang-orang yang berpengalaman dan mereka memanglah sepanjang masa akan mencari jalan untuk menambahkan pendapatan PERKESO. Kalau satu masa nanti, kalau didapati melabur dalam KLSE itu akan membawa keuntungan yang baik dan selamat, maka sudah tentulah mereka akan buat. Tetapi buat masa ini pelaburan yang dijalankan adalah sebagaimana yang saya katakan tadi.

## POLIS-SAMBUTAN TERHADAP KRITIKAN RAKYAT

8. Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada kementerian menyambut baik kritikan rakyat terhadap pihak polis; dan
- (b) mengapakah pihak polis begitu peka terhadap kritikan rakyat, khususnya dalam kes penahanan guru oleh polis dan keengganan polis menerima laporan keganasan keluarga.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Dalam Negeri sentiasa menyambut baik kritikan yang membina dan berasas terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh jabatan-jabatan di bawahnya, termasuklah Polis Diraja Malaysia.
- (b) Pihak polis sentiasa peka terhadap keperluan rakyat. Ini adalah selari dengan konsep dan budaya kerja polis iaitu 'Cepat dan Betul' di mana polis sentiasa berusaha untuk memberi mutu perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat.

Mengenai masalah keengganan polis menerima laporan, pihak polis memandang serius kepada masalah ini dan jika ada, tindakan yang tegas akan diambil terhadap anggota polis yang terlibat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Kota Bharu.

**Tuan Wong Kam Hoong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Kota Bharu.

**Tuan Wong Kam Hoong:** Ini pun 'Baru' - Bayan Baru.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bukan Bayan Baru - dua-dua 'Baru' tetapi 'Kota Bharu'. [Ketawa]

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memanglah pihak polis itu prihatin, tetapi apakah langkah-langkah yang boleh dikatakan sebagai bukti di pihak polis, di atas keprihatinan polis terhadap kes-kes keganasan rumah tangga?

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, adalah satu dasar yang jelas dan tegas di mana semua pegawai polis kalau dihadapi oleh mangsa-mangsa keganasan rumah tangga ataupun mangsa-mangsa jenayah, mereka perlu pada saat yang pertama, terima laporan itu kalau laporan hendak dibuat. Kalau sekiranya mana-mana seorang pegawai polis yang bertugas tidak ataupun enggan menerimanya, maka si mangsa atau orang awam berhak mengadu, beri satu komplek yang rasmi kepada sama ada polis ataupun kepada pihak kementerian, kita tetap akan siasat. Ini adalah satu dasar pendirian yang tidak berkompromi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bayan Baru.

**Seorang Ahli:** Ha! [Ketawa]

**Tuan Wong Kam Hoong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, atas peluang diberikan kepada saya. Saya difahamkan bahawa segelintir pemimpin badan-badan wanita yang membangkitkan masalah-masalah berkenaan keengganan polis dalam hal ini kena disiasat, dengan izin, interrogated oleh pihak polis. Bolehkah ini dianggap sebagai satu tekanan psikologi (psychological pressure) oleh pihak polis terhadap badan-badan pertubuhan wanita seolah-olah akan mendiamkan mereka. Saya ingin tahu pendapat kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri terhadap tindak balas dan sikap pihak polis terhadap hal ini?

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, siasatan ataupun kenyataan diambil daripada sikomplenan kalau ada mana-mana satu badan mengadu ataupun buat satu statement ada kaitan dengan tingkah laku polis dan sebagainya, pihak atasan polis perlu pandang serius kenyataan itu dan perlu siasat sama ada dakwaan itu betul atau tidak. Jadi, itu sebabnya mereka perlu ambil statement. Kalau dalam proses mengambil statement itu ada sebarang tekanan ataupun ada apa-apa salah laku, penyelewengan, maka Kementerian Dalam Negeri juga tetap akan ambil perhatian. Kalau sekiranya tindakan mengambil statement itu untuk memastikan sesuatu dakwaan itu dapat diambil tindakan, satu tindakan susulan akan diambil untuk membetulkan sesuatu kesilapan, maka kita tidak boleh anggap itu sebagai satu tekanan ataupun satu perkara yang sengaja hendak menyusahkan mana-mana pihak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar.

[Soalan No. 9 - Y.B. Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar] tidak hadir]

### AL-ARQAM - PENUBUHAN SEMULA

10. **Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood [Kuala Krai]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa memandangkan baru-baru ini Al-Arqam yang telah diharamkan didakwa atau disyaki bercadang untuk menggiatkan semula pertubuhan haram tersebut, adakah pihak kerajaan bersedia menghalalkan dan mengizinkan Al-Arqam dihidupkan dan bergiat aktif semula dengan mendaftarkan pertubuhan mereka atas nama "Pertubuhan Dakwah Al-Arqam (Baru)" sebagaimana pihak kerajaan sendiri telah menghalalkan dan menghidupkan semula parti politik UMNO yang telah diharamkan oleh keputusan mahkamah tetapi dihalalkan dan didaftarkan semula atas nama "UMNO (Baru)". Adakah selepas ini kerajaan bercadang untuk meminda Akta Pertubuhan bagi membolehkan sesuatu pertubuhan yang telah diharamkan memohon secara rasmi untuk dibenarkan hidup semula secara sah di sisi undang-undang bagi mengelakkan sikap 'double standard' atau pilih kasih.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kumpulan Al-Arqam yang diharamkan di bawah Seksyen 5(1) Akta Pertubuhan 1966 pada 26.8.1994 tidak boleh didaftarkan semula kerana pertubuhan tersebut diisytiharkan dan disifatkan sebagai sebuah pertubuhan yang menyalahi undang-undang di bawah Akta Pertubuhan 1966 itu. Al-Arqam tidak boleh disamakan dengan UMNO di mana UMNO adalah sebuah pertubuhan yang sah dan berdaftar di mana pembatalannya bukan kerana pertubuhan tersebut menyalahi undang-undang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kerajaan tidak bercadang meminda Akta Pertubuhan 1966 bagi membolehkan mana-mana pertubuhan yang diisytiharkan menyalahi undang-undang didaftarkan semula kerana peruntukan sedemikian tidak perlu.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta penjelasan lanjut daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Penanya soalan ini menyamakan Al-Arqam dengan UMNO. Bukankah Al-Arqam itu diharamkan kerana akidah ataupun ajarannya adalah tidak sah. Sedangkan UMNO diharam bukan soal bersabit dengan akidah. Ini menggambarkan bahawa yang menanya soalan ini sendiri tidak faham apa yang dia tanya. [Ketawa]

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya setuju. Itu sebabnya sebahagian daripada jawapan saya tadi telah mengatakan kita tidak boleh samakan dua perkara yang berlainan,

lebih-lebih lagi Al-Arqam ini diharamkan. UMNO tidak pernah diharamkan, tetapi UMNO dibatalkan atas technicality sahaja. Jadi, tidak boleh kita buat dua perkara dihubungkan.

### BOMBA - PENAMBAHAN ALAT DAN JENTERA

11. **Datuk Nurnikman bin Abdullah [Beaufort]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah pihak kerajaan bercadang untuk menambahkan peralatan jentera dan kenderaan Perkhidmatan Bomba dan Pasukan Penyelamat di kawasan Beaufort yang masih kekurangan dalam aspek berkenaan seperti yang dialami dalam dua kes kebakaran di daerah ini pada tahun ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat ada membuat perancangan bagi menambah dan meningkatkan keupayaan perkhidmatan operasi kebombaan di Balai Bomba Beaufort, terutamanya di dalam menyediakan peralatan baru selaras dengan perkembangan dan pembangunan kawasan tersebut.

### PEMBAKARAN TERBUKA - TINDAKAN KERAJAAN

12. **Dr. L. Krishnan [Telok Kemang]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

- (a) apakah kementerian telah mengambil tindakan di atas pembakaran terbuka oleh syarikat dan orang perseorangan yang tidak bertanggungjawab; dan
- (b) berapakah pegawai penguatkuasa yang terlibat bagi mengatasi masalah tersebut. Adakah jumlah pegawai penguatkuasa ini mencukupi.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan,

- (a) Tindakan yang diambil oleh kementerian terhadap kesalahan berhubung pembakaran terbuka oleh syarikat dan industri berdasarkan Seksyen 22(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling adalah hukuman denda maksimum RM100,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali. Sepanjang tahun ini sehingga 30 September 1997 sebanyak 56 syarikat telah dikenakan hukuman bagi kesalahan tersebut dengan denda berjumlah RM446,500. Pembakaran terbuka oleh orang perseorangan pula hanya dibenarkan untuk pembakaran terbuka pada

daun-daun, dahan-dahan pokok atau tingkatan-tingkatan halaman dari premis kediaman persendirian dan dilakukan antara jam 8.00 hingga 6.00 petang sepertimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan 11A, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling, Udara Bersih 1998.

- (b) Bilangan pegawai-pegawai penguatkuasa yang terlibat bagi mengatasi masalah tersebut setakat ini berjumlah 187 orang. Mereka ini ditempatkan di seluruh pejabat Jabatan Alam Sekitar di negeri-negeri dan jumlah ini didapati belum lagi mencukupi untuk menanggung beban kerja yang semakin meningkat. Permohonan untuk mendapatkan tambahan pegawai-pegawai tersebut akan dibuat dari masa ke semasa berdasarkan pertambahan beban tugas di tempat-tempat tertentu di negeri-negeri berkenaan. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Henrynus Amin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, apakah yang ditakrifkan sebagai syarikat atau orang perseorangan yang tidak bertanggungjawab yang melakukan pembakaran, sebab undang-undang sekarang akan menghukum RM100,000 dan lima tahun penjara. Persoalan saya ialah di Sabah dan Sarawak, satu amalan untuk membuka tanah oleh orang-orang tempatan sejak turun menurun adalah satu kebiasaan yang hingga hari ini masih diamalkan, oleh kerana ini adalah bersangkutan paut dengan kehidupan mereka seharian. Jadi, saya ingin tahu bagaimanakah Kementerian mengendalikan perkara ini ataupun adakah Kementerian menganggap mereka sebagai orang yang bersalah sepertimana yang telah dijawab oleh Timbalan Menteri tadi. Atau kalau tidak, apakah mereka ini ditakrifkan sebagai orang yang dibiarkan atau meneruskan cara hidup mereka tersendiri?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, mereka yang hendak membakarkan ladang-ladang, tanah-tanah mereka untuk ditanam tanaman-tanaman, mereka kena beri maklum kepada pihak yang berkuasa, majlis tempatan, majlis perbandaran, kepada Jabatan Alam Sekitar supaya ianya dapat dikawal. Kalau api, kecil-kecil jadi kawan, sudah besar jadi lawan. Kalau tidak diawasi ianya merbahaya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Soal-Jawab sudah cukup.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 37 dijilid dalam buku berasingan]*

## **RANGUNDANG-UNDANG**

### **RANGUNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1998**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

**DAN**

**USUL**

#### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 1998**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:"

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM18,491,268,800 (Ringgit Malaysia lapan belas bilion, empat ratus sembilan puluh satu juta, dua ratus enam puluh lapan ribu, lapan ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1998, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1998 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 1997, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut."  
*[Hari Isnin, 20 Oktober 1997]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Marang diminta sambung ucapan.

3.36 ptg.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung perkara yang berkait dengan dasar luar negeri. Kerajaan juga mestilah adil dalam menilai perkembangan mutakhir di Algeria yang juga menjadi mangsa neokolonialisme. Siapakah yang membawa Algeria ke tahap sekarang sehingga ke jurang yang memusnahkan seluruhnya, mengancam semua aspek kehidupan? Siapakah yang mampu menyekat pertumpahan darah menakutkan sehingga mengorbankan lebih daripada 70,000 orang di kalangan tentera dan orang awam. Tidak syak lagi bahawa semua pihak yang bersengketa terkepong

dengan apa yang berlaku, tetapi kesilapan besar terletak ke atas pihak rasmi kerajaan dan tentera apabila mereka gagal dalam percubaan menegakkan demokrasi di negeri tersebut.

Selepas ternyata parti Islam FIS menuju ke arah mengambil-alih pemerintahan melalui peti undi, parti Islam tersebut mendapat simpati rakyat dengan majoriti yang sangat besar di mana sebelumnya mereka mendapat kemenangan dalam pilihan raya majlis tempatan yang berlangsung pada April 1990 selepas hanya dua tahun ditubuhkan. Apabila pilihan raya umum diadakan pada 26 Disember 1991, parti itu telah mencapai kemenangan besar dengan menguasai majoriti kerusi di Parlimen dalam pusingan pertama pilihan raya tersebut. Sebelum kerajaan tentera bertindak cepat mengguling Presiden Chardly bin Jadid yang membatalkan pilihan raya dan membatalkan kesemua keputusan pilihan raya sebelumnya, kemudian pihak kerajaan tentera mengharamkan parti Islam dan parti-parti yang menyertai pilihan raya tersebut kerana mereka mengakui kecenderungan regim tentera ke arah demokrasi. Sedangkan kenyataan sejarah menunjukkan seluruh regim tentera dalam negara Dunia Ketiga tidak senang dengan demokrasi dan kebebasan awam selagi ianya dianggap mengancam kedudukan mereka dalam menguasai kerajaan, sedangkan pimpinan yang dipilih oleh rakyat lebih berpengaruh.

Kerajaan Algeria yang dikuasai tentera di belakang tabirnya yang sebenar memulakan kekerasan dan keganasan dalam menghadapi pemimpin dan penyokong parti Islam dengan bertindak ganas ke atas demonstrasi secara aman dan diberi kebenaran oleh pihak yang berkenaan untuk memprotes undang-undang pilihan raya pada 25 Mei 1991. Mereka yang mengadakan demonstrasi itu dikejutkan oleh tindakan tentera yang memasuki pusat bandar di mana demonstrasi itu diadakan, di mana beberapa orang telah ditahan dan ada pula yang dibunuh, seterusnya diisytiharkan perintah berkurung di seluruh ibu negara dan kawasan sekitarnya.

Beberapa orang pemimpin parti Islam terus diseret ke penjara. Di antaranya dua pemimpin utama Dr. Abasi Madani dan Ali Balhaj. Kebanyakan kerajaan tentera dalam dunia ketiga mahukan demokrasi menjadi dekorasi atau pakaian luar untuk menghias secara menyembunyikan dalaman bagi mengelirukan rakyat dan negara asing dengan pelbagai undang-undang dan peraturan yang digubal untuk memudahkan mereka melakukan penipuan dalam pilihan raya dan melahirkan parlimen yang

menjadi rubber stamp untuk meluluskan keputusan pihak kerajaan yang telah diambil sebelumnya dan meluluskan segala perancangan secara diktator. Apabila bahtera parlimen yang kononnya membawa demokrasi menuju ke arah yang tidak disenangi oleh regim tentera itu, maka bahtera itu pun ditahan bila-bila masa sahaja atau dengan menenggelamkannya ke dasar laut apabila difikirkan perlu.

Sebenarnya itulah yang dilakukan di Algeria. Sesungguhnya pembatalan keputusan pilihan raya umum Disember 1991 yang memberi kemenangan kepada parti Islam dengan majoriti yang besar menjadi punca untuk membakar hangus demokrasi yang tumbuh dengan subur itu dan menyeret Algeria kepada keganasan yang mencetuskan penyembelihan yang buas dan liar sejak tahun 1992 sehinggalah ke hari ini. Menjadi pertanyaan, adakah munasabah penyembelihan ganas harian yang dilakukan dengan cara menyebelih di luar naluri seseorang Islam yang berpegang dengan agama di mana penjenayah membunuh secara menggunakan kapak dan gergaji, menyebelih kanak-kanak perempuan dan orang-orang tua. Adakah perbuatan seperti itu dibenarkan oleh Islam, dibenarkan oleh semua agama dan dilakukan oleh kumpulan Islam walaupun yang paling pelampau dan paling kemuncak pelampauannya.

Sekiranya penangkapan ke atas pemimpin parti Islam dan kader-kadernya membawa kepada penubuhan kumpulan-kumpulan yang dinamakan ekstrimis seperti kumpulan Taksir dan lain-lain yang melompat keluar daripada parti Islam. Sepatutnya perkara itu menjadi pengajaran kepada pihak kerajaan betapa kewajaran mereka mengadakan hubungan dengan gerakan-gerakan Islam yang dikatakan sederhana yang rela memilih saluran demokrasi. Memilih kekerasan hanya melahirkan tindakan balas kekerasan yang lebih daripadanya, melenyapkan kumpulan-kumpulan tersebut daripada pentas politik hanya melahirkan kumpulan-kumpulan yang bergerak di bawah tanah secara tidak mengikut undang-undang.

Kita tidak harus membenarkan kumpulan-kumpulan yang bernama Islam melakukan jenayah yang kejam itu sehingga menyebelih kanak-kanak dan kaum wanita selepas mencolek mereka. Mengikut pengakuan oleh pemerhati dan wartawan-wartawan asing perbuatan itu sebenarnya dari angkara kumpulan-kumpulan bersenjata, seperti Pihak Keselamatan Majlis Perbandaran, pasukan-pasukan militia yang dipersenjatai oleh pihak Kerajaan Algeria sendiri yang dikatakan untuk menghadapi penentang daripada kumpulan Islam

dan juga dilakukan oleh kumpulan nasionalis Barbar yang dipersenjatai oleh Israel melalui Mosat, perisikan. Perkara ini terdedah apabila terbongkarnya berita penyeludupan senjata oleh Mosat melalui sebuah kapal yang mendarat di pelabuhan Vijaya dengan mendapat perlindungan Armada Keenam Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, pertubuhan hak asasi manusia yang diakui oleh Kerajaan Algeria sendiri melaporkan berlakunya beberapa perkara di luar undang-undang. Kematian yang disembunyikan oleh pihak keselamatan Algeria sendiri yang bergolok sesama mereka. Walaupun disembunyikan, tetapi ianya telah diketahui umum di Algeria. Beberapa bulan yang lalu pihak penjenayah bersenjata telah melakukan penyembelihan di Kampung Simarzuk yang terletak di pinggir ibu kota Alteria yang terletak hanya 50 meter sahaja daripada berek tentera Algeria berhampiran pula dengan post keselamatan Majlis Perbandaran. Menurut saksi, seseorang kanak-kanak disembelih di bawah menara kawalan berek tentera. Ternyata bahawa penjenayah-penjenayah tersebut dapat bergerak dengan bebas seolah-olah mereka diberi perlindungan untuk berundur selepas melakukan penyembelihan itu tanpa apa-apa tindakan balas daripada pihak tentera dan pihak keselamatan yang lain.

Adalah menjadi kewajipan pihak yang berkenaan, masyarakat antarabangsa mengambil langkah yang sewajarnya untuk kepentingan umat manusia dengan melibatkan semua pihak tanpa mengecualikan mana-mana pihak termasuk golongan Islam yang dinafikan haknya dalam pilihan raya umum yang diadakan tahun 1991 yang lalu berusaha membebaskan semua tahanan politik, seterusnya bertindak secara tegas ke atas pihak-pihak yang berada di sebalik jenayah yang kejam itu, tidak mencukupi sekadar melempar tuduhan dengan menyebut kumpulan-kumpulan pelampau yang sering kali digunakan secara tidak terbukti dengan hujah yang kukuh untuk memfitnah semata-mata dengan menyembunyikan kumpulan-kumpulan bersenjata yang dibiayai sendiri oleh pihak kerajaan, di antaranya kerana menanganai percaturan sesama mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Amerika yang dikuasai Zionis Yahudi yang mencanangkan order baru dunia dalam politik antarabangsa selepas era perang dingin sangat tidak adil dalam isu politik dan ekonomi dengan tindakan diskriminasi dan double standard secara memaksa masyarakat antarabangsa melalui pengaruhnya dalam pertubuhan antarabangsa seperti Bangsa-Bangsa Bersatu dan cawangan-cawangannya seperti Majlis Keselamatan, Bank

Dunia dan lain-lain. Dalam merealisasikan mereka menyenaraikan negara-negara Islam dan Dunia Ketiga yang tidak tunduk kepada pengaruhnya sebagai pegganas. Di antara negara yang menjadi mangsa ialah Sudan, Iran dan Libya. Pada hal tidak ada negara yang lain yang dicerobohi oleh Sudan, Iran dan Libya, dan tidak ada senarai pembunuhan beramai-ramai yang boleh dibuktikan atau pencabulan hak asasi manusia yang berlaku seperti yang berlaku di Amerika sendiri, Cina Komunis, Burma, India, Israel, Kongo dan lain-lain. Sebaliknya negara-negara lain menjadi mangsa semata-mata kerana tidak tunduk kepada pengaruh Amerika atau tidak boleh dipengaruhi secara sewenang-wenangnya.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah digunakan untuk menyenarai hitam mana-mana negara kemudian dilakukan sekatan ekonomi dan serangan dakwah media Barat secara melulu, bukan sahaja kerajaan yang menjadi mangsa, tetapi termasuk juga rakyat miskin di negara-negara berkenaan. PAS berharap supaya kerajaan tidak tunduk kepada tekanan-tekanan yang tidak adil ini dalam hubungan antarabangsa dengan meneruskan jalinan kerjasama dan hubungan politik dan ekonomi dengan negara-negara yang menjadi mangsa ketidakadilan order baru bunia yang didakwa itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulangi dalam perbahasan ini walaupun beberapa kali telah disebut dalam Dewan ini bagi mengingatkan kerajaan kepada kewajipan melaksanakan syariat Islam secara sempurna. Kerana semua gejala politik, ekonomi dan sosial yang berlaku dalam negara kita hari ini menandakan kelemahan undang-undang ciptaan manusia, peninggalan penjajah yang masih banyak dikuatkuasakan dalam negara kita walaupun telah lama mencapai kemerdekaan. Apabila kita mengambil sebahagian sahaja daripada ajaran Islam dan meninggalkan sebahagian yang lain menandakan kita tidak yakin kepada Allah S.W.T., Tuhan pencipta alam ini dari segi kebijaksanaannya, keadilannya dan kekuasaannya, lalu kita

mengadakan peraturan sendiri dalam perkara yang tidak diizinkan oleh Allah, seperti hukum haram arak dalam perkara makanan dan minuman, hukum wajib menutup aurat dalam perkara pakaian, hukum haram judi dan riba dalam mu'amalah, hukum qisas dan hudud dalam perkara undang-undang jenayah.

Sebenarnya Tuhan tidak mengongkong manusia dalam berfikir, mengkaji, mencari ilmu dan menjalankan berbagai-bagai kegiatan di dalam kehidupan bermasyarakat. Kerana terlalu banyak

perkara yang didiamkan oleh nas-nas Al-Quran dengan makna diizinkan kepada manusia dalam ruangan yang luas. Ada pun perkara-perkara yang dinaskan itu merupakan perkara yang tidak mampu dikendalikan oleh akal manusia dan kajian mereka. Hukuman-hukuman yang keras dalam hukum qisas dan hudud disertakan syarat yang ketat sehingga payah untuk menjatuhkan hukuman-hukuman, tetapi penguatkuasaan undang-undang ini menggerunkan penjenayah. Semua perkara yang diharamkan oleh Islam sebenarnya memberi mudarat kepada manusia, dan yang diharamkan itu membawa manfaat. Contohnya, perbezaan antara berkahwin secara halal dan diharamkan berzina, wajib menutup aurat dan haram mendedahkannya di mana terdapat lahir yang sama, tetapi natijah yang berbeza. Hanya yang berzina mendatangkan penyakit, yang berkahwin tidak. Hikmah menutup aurat sangat ketara, bukannya mereka yang menutup aurat kerana menutup muka supaya tidak dikenali setelah dibawa di mahkamah yang tidak boleh dijadikan alasan.

Kita tidak dapat melihat tanda kesungguhan kerajaan dalam menuju ke arah melaksanakan syariah dengan sepenuhnya. Kerana kenyataan-kenyataan pemimpin utama kerajaan menunjukkan ke arah itu, dan kita menyedari adanya pengampu-pengampu yang membuat kenyataan untuk menutup hakikat yang sebenar dan mengabui kesedaran Islam yang sedang berlaku. Kita menyedari bagaimana dalam masa yang sama dalam negara kita undang-undang yang dinamakan undang-undang syariah yang bukan daripada hukum syariah diluluskan di peringkat negeri dan Pusat, seperti hukum enam rotan kepada pezina di Johor dan hukuman denda di beberapa buah negeri, teragak-agak untuk menguatkuasakan hukuman hudud dan qisas.

Inilah sikap orang-orang Yahudi yang menjadi musuh kita, tetapi kita mengambil contoh daripada mereka. [*Membaca ayat suci Al-Quran*] maksudnya: "*Maka dihumban ke gaung neraka orang-orang yang menulis kitab dengan tangan mereka lalu mereka berkata itu dari sisi Allah supaya mereka membeli dengan harga yang murah, maka dihumban ke dalam gaung neraka daripada apa yang mereka tulis dan dihumban ke dalam gaung neraka untuk mereka daripada apa yang mereka usahakan.*" Apakah kita masih berdegil walaupun dilanda oleh gejala-gejala sosial, peningkatan kadar jenayah dan maksiat yang kian berleluasa sehingga tidak dapat dibendung lagi pada hari ini seperti ketagih dadah, penyalahgunaan dadah, ketagih arak,

perzinaan, perogolan, membuang bayi, rompakan, pencurian, penipuan dan lain-lain dengan hanya bertahan melalui pel undang-undang yang lemah, pendidikan yang tidak berkesan, pengawalan secara bodoh melalui perlesenan kepada beberapa jenis maksiat seperti judi, kelab malam dan lain-lain dan media massa yang menyuburkan perkara-perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini terdapat kenyataan-kenyataan dan tindakan ke atas tokoh-tokoh agama yang dihormati seperti Mufti yang berani memberi nasihat dan teguran, seperti langkah yang diambil ke atas Mufti Selangor sebagai satu contoh. Walaupun mereka menyebut ataupun beliau menyebut dalam perkara agama yang sangat jelas halal dan haram yang termasuk perkara fardu ain yang wajib diketahui oleh tiap-tiap orang lelaki dan perempuan seperti wajib menutup aurat dan haramnya pertandingan-pertandingan yang mendedahkan aurat lelaki dan wanita, sehingga perkara yang seperti ini menjadi isu hangat yang diperkatakan, tetapi kemudiannya dihilangkan oleh isu jerebu yang mengaburkan penglihatan mata setelah kaburnya fikiran dalam perkara nyata halal dan haramnya daripada agama Allah, sehingga ada orang-orang yang berani mengkritik agama Allah S.W.T. dan orang-orang yang memberi nasihat dan teguran dengan jujur dan ikhlas menjadi mangsa tindakan tatatertib, termasuk yang menegur di kalangan UMNO sendiri dalam Perhimpunan UMNO telah dicemuh. Orang-orang mengampu diangkat martabatnya. Orang-orang menjadi syaitan bisu lebih dihormati. Saya bimbang berlaku seperti yang dikatakan [*membaca sepotong Hadis*] bermaksud: "Kalau tidak kerana adanya binatang-binatang ternakan yang meragut rumput, anak-anak yang masih menyusu dan orang-orang tua yang masih rukuk beribadat, nescaya diteluskan bala yang menghancurkan semuanya, di mana Allah menghilangkan bala bencana kerana kasihannya kepada golongan-golongan tersebut sahaja."

Tuan Yang di-Pertua, dilihat keadaan politik, ekonomi, pendidikan dan sosial memerlukan kita mengkajikan makna kemerdekaan yang disambut kali yang ke-40 tahun di mana mereka yang melihat acara sambutanannya di tahun-tahun mutakhir ini sangatlah ganjil. Ianya bukanlah seperti sambutan ulang tahun bebasnya sebuah negara dari belunggu penjajahan, tetapi lebih seperti sambutan kemenangan dalam acara-acara sukan. Tentulah agak keterlaluan untuk mempertikaikan niat sebenar. Mereka yang melaungkan jeritan 'merdeka' di acara tersebut seperti tidak memahami atau menghayati

erti kemerdekaan, tetapi tentulah agak sukar untuk menerima keadaan apabila orang-orang yang sama itu juga menunggang motor laju, berasmara secara bebas dan kemudiannya bersuka ria hingga ke pagi sebagai aturcara sambutan kemerdekaan.

Marilah kita insafi bahawa yang dikatakan kemerdekaan itu sangat murni sifatnya. Ia bukan sekadar perlambangan seperti mengibarkan bendera 'Jalur Gemilang', menyanyikan lagu 'Negaraku' dengan penuh semangat atau juga kelihatan gagah menyertai perbarisan atau perarakan. Malanglah kita apabila kita melaungkan ungguan 'merdeka, merdeka, merdeka' kita masih terus mengamalkan gaya dan cara hidup seperti penjajah, mendaulatkan bahasa mereka lebih daripada bahasa kita sendiri, merasa kerdil dan rendah dengan budaya bangsa sendiri.

Kita mestilah memahami setulusnya bererti kemerdekaan yang dijadikan agenda utama menyambut kemerdekaan di semua peringkat rakyat terutamanya anak-anak muda, program-program yang bersifat mendidik secara tersusun dan menepati sasaran tanpa perlu melibatkan kos yang tinggi. Mengapa kita perlu merdeka, bagaimana kita boleh merdeka, benarkah kita sedang merdeka dan sampai bila kemerdekaan akan kekal. Mengapa kita tidak mampu menentang arus penjajahan Dolar dan berbagai-bagai tajuk yang boleh dibincangkan. Jika terus membiarkan hal-hal yang sedang berlaku itu berterusan, maka percayalah bahawa hari kemerdekaan itu sekadar menjadi salah satu hari kelepasan am dalam kalendar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik pada akhir ucapan saya, saya ingin menyebut saya tertarik dengan ayat Al-Quran yang dibaca bagi menutup ucapan Belanjawan oleh Menteri Kewangan [*membaca ayat suci Al-Quran*] bermaksud: "*Demi sesungguhnya Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut kepada musuh dan dengan merasai sedikit kelaparan dan dengan berlakunya kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman, dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar.*" Dengan meninggalkan ayat yang berikut dan saya tolong sambung [*membaca ayat suci Al-Quran*] bermaksud: "*Mereka itulah orang-orang yang sabar itu orang-orang yang apabila ditimpa bala bencana maka mereka berkata, kami menjadi milik Allah dan sesungguhnya kami kembali kepadanya.*"

Maka soalnya, sejauh manakah kita sebenarnya mengakui menjadi milik Allah kerana diciptanya, diberi rezeki olehnya, dikurniakan dengan berbagai-bagai kurniaan, wajib tunduk kepada hukuman syariatnya

dan kembali kepadanya dalam semua urusan dan bertaubat apabila berdosa. Kita perlu membuat perhitungan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Parit Sulong.

4.59 ptg.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional, kerana Belanjawan 1998 dibentangkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Jumaat lalu adalah Belanjawan serasi dengan iklim kewangan serta ekonomi negara yang sedang gawat dilanda pengkhianatan anasir-anasir luaran.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kerana biarpun kewangan negara sedang diganggu-gugat dan ekonomi negara sedang diperkotak-katikkan oleh anasir-anasir luaran yang gelojoh, Kerajaan Barisan Nasional tetap memberikan peruntukan yang besar untuk aktiviti-aktiviti membasmi kemiskinan, pembangunan desa, pertanian serta pendidikan.

Seterusnya, saya menyanjung tinggi kebijaksanaan Kerajaan Barisan Nasional kerana di dalam usahanya mengetengahkan beberapa strategi penting untuk memantapkan ekonomi negara dan memulihkan keyakinan pelabur menerusi Belanjawan 1998 ini, strategi-strategi berkenaan tidak pula membebankan rakyat golongan rendah. Saya harap rakyat jelata seluruhnya, termasuklah yang memihak kepada pembangkang, menginsafi hakikat ini. Saya harap, mereka juga akan terus tenang, sabar dan berdisiplin di dalam menjalani hidup harian di detik-detik mencabar ini.

Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya kesal kerana ada juga segolongan rakyat Malaysia yang jadi panik, gelabah dan kelabaan. Dalam menghadapi dugaan, mereka nampaknya jadi kelompok-kelompok yang terdorong menghentam kerajaan, mencaci kerajaan dan mempersenda-sandakan kerajaan. Golongan ini seumpama kacang lupakan kulit, seperti sirih lupakan gagang atau kaduk lupakan junjung. Saya harap golongan ini akan insaf bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan berjiwa rakyat. Kepentingan rakyat jelata tetap akan terus dipelihara pada setiap masa.

Golongan yang kelabaan ini termasuklah sekalangan warga korporat dan mereka yang sebelum ini telah mengaut keuntungan besar dari

Bursa Saham Kuala Lumpur. Saya amat insaf bahawa iklim pelaburan mutakhir telah menyebabkan banyak pihak, baik pihak yang besar biar pun yang kecil, yang parah dan tergelempang. Saya juga amat insaf bahawa dalam keadaan nilai Ringgit yang semakin merosot, banyak pihak rasa terpukul dan jatuh terduduk. Bagaimanapun, janganlah perkembangan ini dengan mudah sahaja menyebabkan pihak-pihak sedemikian merasakan hilang rasa cinta dan sayang mereka kepada negara dan berubah dengan sekelip mata. Janganlah jiwa patriotisme di kalangan segelintir warga korporat yang sedemikian mudah dilunturkan dan janganlah jiwa nasionalisme mereka juga mudah dipudarkan. Janganlah Kerajaan Barisan Nasional hanya disanjung dan dipuja di zaman mewah dan bahagia. Janganlah keadaan ini pula dijadikan alasan paling sah yang menghalalkan tindakan talam dua muka, hipokrit dan berpura-pura.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyuarakan hakikat ini kerana saya tahu bahawa sekarang ini memang wujud kepura-puraan di kalangan sesetengah warga korporat Malaysia. Sekalangan mereka telah pun menyatakan sokongan jitu mereka kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalannya di dalam menangani musibah ekonomi dan kewangan yang sedang melanda negara. Tetapi segelintir dari kalangan ini pula sedang bertindak menikam kepimpinan tertinggi negara dari belakang. Mereka bermadah manis secara luaran sahaja, umpama menanam tebu di bibir.

Kepada golongan sebegini, saya merayu kotakanlah apa yang telah diperkatakan. Kalau telah dilafazkan ikrar keyakinan kepada kepimpinan negara, terjemahkanlah ikrar itu kepada gerakan dan tindakan yang positif. Marilah sama-sama kita bergerak selangkah dan sederap dengan pihak pemerintah. Insaflah bahawa tidak ada satu pun kerajaan di dunia ini yang amat jelas sebagai bersifat pro golongan korporat, melainkan di Malaysia, dan kerajaan itu kebetulannya adalah Kerajaan Barisan Nasional.

Kepada semua golongan korporat pula, saya menyeru semoga mereka insaf bahawa sebahagian besar keuntungan yang mereka perolehi selama ini adalah hasil perjuangan Kerajaan Barisan Nasional dan hasil pengorbanan rakyat jelata yang telah pun memilih Kerajaan Barisan Nasional. Saya gembira kerana ada warga korporat yang sensitif terhadap tanggungjawab sosial masing-masing kepada negara. Tetapi saya juga kecewa jika terdapat warga korporat yang beranggapan bahawa mereka lebih berkuasa dari kerajaan ataupun rakyat jelata yang

memilih dan menegakkan kerajaan di negara ini. Oleh itu, sama-samalah kita insaf bahawa keadaan sekarang amat menuntut kita menggembelkan kekuatan semua sektor di negara ini. Jika tidak, pihak-pihak yang memusuhi kita akan treus melancarkan program memecah, membelah dan melumpuhkan kita semua.

Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya amat terharu apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan dan Pengerusi DAP baru-baru ini menyatakan sokongan PAS dan DAP kepada pucuk kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional dalam menangani kemelut yang dihadapi negara hari ini. Saya juga melahirkan rasa terima kasih kepada Ketua Pembangkang dan juga Ahli dari Marang yang semalam juga menunjukkan kata-kata positif menyokong tindakan kerajaan di dalam menghadapi kemelut yang sama. Saya yakin kenyataan-kenyataan pemimpin-pemimpin ini adalah jujur dan ikhlas. Mungkin inilah contoh kepada bibit-bibit kematangan politik pembangkang di Malaysia sekarang.

Bagaimanapun, saya merayu semoga sokongan sedemikian dituntaskan lagi secara jujur hingga ke peringkat akar umbi. Saya juga merayu semoga sokongan tersebut dimanifestasikan menerusi semua bentuk ucapan dan gerakan politik di seluruh negara. Janganlah sekadar berikrar menyokong, tetapi sokongan yang membawa rebah. Janganlah hanya peringkat ketua-ketua sahaja yang menyokong, tetapi sejumlah pemimpin pembangkang lainnya terus menerusi menghentam kerajaan secara samberono.

Rayuan ini juga saya tunjukan kepada seluruh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di negara ini. Marilah kita bertindak secara positif dan penuh tanggungjawab. Insaflah bahawa musibah yang melanda negara hari ini tidak memilih mana-mana pihak, melainkan ia amat menderitakan semua pihak, termasuklah NGO dan lain-lainnya. Saya menyatakan rayuan di atas kerana di samping seluruh strategi kewangan yang telah dijalankan untuk memulihkan keyakinan pelabur terhadap negara ini, satu lagi faktor penting yang amat diperlukan untuk mempekuhkan lagi keyakinan tersebut adalah kemantapan politik negara seluruhnya.

Oleh itu, saya merayu kepada semua lapisan politik di negara ini, baik golongan politik Barisan Nasional, baik politik UMNO, mahupun kalangan politik pembangkang dan NGO marilah sama-sama kita kurangkan politicking di dalam tempoh waktu-waktu terdekat ini. Sama-samalah kita banteras

seluruh elemen pemecah-belah yang mungkin wujud di kalangan kita. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Sama-samalah kita insaf bahawa perkembangan yang kita hadapi sekarang adalah satu paradoks yang amat memeranjatkan. Dua tahun lalu, majoriti kita menjadikan buku Megatrends Asia karangan John Naisbitt sebagai sebahagian dari rujukan kita di dalam menganalisis perkembangan dan kemajuan negara-negara ASEAN dan Asia Timur.

Naisbitt pernah mengatakan bahawa, dengan izin, *"What is happening in Asia is by far the most important development in the world today. Nothing else comes close, not only for Asian but for the entire planet. The modernisation of Asia will forever reshape the world as we move toward the next millennium."* Begitulah hebatnya Asia pada tahun 1995 sehinggakan Naisbitt juga mengatakan di dalam buku yang sama bahawa *"1990s Asia came of age. As we move toward the year 2000, Asia will become the dominant region of the world: economically, politically and culturally. We are on the threshold of the Asian Renaissance,"* dengan izin.

Dalam buku tersebut Naisbitt terlalu lumrah pujian-pujiannya terhadap Asia. Di antara 30 buah negara Asia yang dianalisis, Naisbitt memfokuskan kepada China, Hong Kong, India, Indonesia, Japan, Korea Selatan, Malaysia, Filipina, Singapura, Taiwan, Thailand dan Vietnam. Negara-negara ini dikatakan oleh Naisbitt sebagai lokasi dinamisme pertumbuhan dan kemajuan Asia di masa akan datang. Tetapi apakah sudah terjadi sekarang? Mengapakah sekurang-kurangnya lima dari 30 negara yang disorot oleh Naisbitt itu, iaitu Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand dan Singapura, tiba-tiba sahaja meredum mata wangnya dan tiba-tiba sahaja melosot prestasi bursa sahamnya? Inilah paradoks yang amat menghairankan kita semua. Inilah yang memeranjatkan semua pihak di Malaysia.

Soalnya di sini ialah adakah paradoks yang penuh musibah ini muncul semata-mata kerana ketidakcekapan pengurusan ekonomi di kelima-lima kelompok ASEAN ini? Apakah musibah ekonomi ini menjelmakan diri semata-mata atas alasan yang natural? Tidak mungkinkah ini adalah angkara sesetengah pedagang mata wang yang gelojoh, termasuklah pedagang berpengaruh bernama George Soros yang kebetulannya keturunan Yahudi?

Tuan Yang di-Pertua, seluruh dunia tahu bahawa Soros berketurunan Yahudi. Ini samalah dengan

hakikat bahawa seluruh dunia mengenali bahawa Perdana Menteri Malaysia adalah keturunan Melayu beragama Islam. Oleh itu, apabila Perdana Menteri menudingkan jari kepada Soros sebagai pihak yang kelihatannya bertanggungjawab mengkhianati mata wang serta pasaran saham Malaysia, ini tidaklah bermakna bahawa Perdana Menteri Malaysia memusuhi Yahudi sebagai satu kelompok manusia di dunia ini. Perdana Menteri Malaysia tidak pernah anti Yahudi. Hakikat ini telah pun dijelaskan sendiri oleh Perdana Menteri di dalam interbiunya dengan Majalah Fortune pada bulan lalu. Tetapi, jika Soros bukan keturunan Yahudi sekalipun, manusia ini tetap dikutuk kerana kita tidak mahu dia jadi kaya-raya akibat memiskinkan beberapa negara ASEAN termasuklah Malaysia.

Oleh itu, janganlah bangkit pula kelompok-kelompok tertentu di dunia ini yang cuba mentafsirkan kenyataan Perdana Menteri kepada Soros sebagai kenyataan yang memusuhi Yahudi. Tanggapan dan tafsiran seperti ini tidak sihat dan amat meleset sekali. Jadi, janganlah tafsiran meleset sebegini terus diapi dan disemarakkan. Saya tidak rela jika tafsiran ini sengaja dikelirukan dan diizinkan terus berlanjutan sehingga menyebabkan kemungkinan-kemungkinan negatif yang boleh menjejaskan keharmonian manusia sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu, izinkan saya bertanya kepada Dewan yang mulia ini, kepada diri saya dan kepada seluruh rakyat jelata Malaysia, adakah Malaysia boleh berada dalam keadaan hari ini jika semata-mata kerana beberapa kelemahan asas di dalam pengurusan ekonominya? Adakah keadaan hari ini boleh terjadi dengan drastik sekali semata-mata sebagai kesan kebobrokan ekonomi yang terjadi di Thailand? Tidak mungkinkah apa yang menimpa Malaysia dan jiran-jirannya sekarang adalah angkara sebuah perancangan besar (grand design) yang ditaja oleh sekelompok manusia yang mungkin cemburu dan dengki terhadap Malaysia dan ASEAN? Tidak mungkinkah ini dilakukan oleh kelompok-kelompok tertentu manusia di dunia ini yang sedang giat dengan usaha-usaha neokolonialismenya?

Janganlah terdapat mana-mana pihak baik tempatan mahupun internasional cuba mengatakan bahawa pertanyaan-pertanyaan di atas adalah tidak relevan. Pertanyaan-pertanyaan di atas adalah relevan kerana amat mustahil sekali Malaysia yang mempunyai asas-asas ekonomi yang kukuh, dengan tiba-tiba sahaja berhadapan dengan musibah yang kita alami hari ini. Angkara siapakah maka terjadi perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh ada pihak mengatakan bahawa di antara faktor yang menyebabkan musibah ekonomi di Malaysia sekarang adalah defisit akaun semasa yang besar. Adakah ini faktor yang sebenar-benarnya? Sebelum ini pun Malaysia pernah mengalami defisit akaun semasa yang agak besar. Pada tahun 1983, defisit akaun semasa Malaysia adalah 14.1% dari Keluaran Negara Kasar, dan pada tahun 1995 adalah 8.8%. Kedudukan defisit akaun semasa yang besar dalam tahun 1983 tidak pun menjejaskan nilai mata wang dan Ringgit Malaysia. Biar pun kedudukan defisit akaun semasa pada tahun 1995 telah menimbulkan sedikit tekanan ke atas Ringgit, tekanan itu juga tidak mencetuskan situasi seperti hari ini. Menurut sebuah laporan *Star* baru-baru ini, kedudukan tersebut tidak menggemparkan kerana polisi kerajaan yang sentiasa berhemah dan juga kerana fundamentals ekonomi negara yang kukuh.

Hari ini fundamentals ekonomi negara masih kukuh dan dasar pengurusan kewangan negara masih lagi prudent. Defisit akaun semasa Malaysia yang diramalkan pada kadar 5.5% tahun depan dari Keluaran Negara Kasar, tetapi mengapakah terjadi seperti ini yang sedang kita alami sekarang? Inilah di antara hakikat yang amat menghairankan kita semua. Inilah di antara sebab saya menanyakan soalan-soalan seperti di atas tadi? Saya bertambah hairan kerana pada 22 Mei 1997 terdapat satu laporan akhbar yang mengatakan bahawa Malaysia sedang berada di tahap kesembilan di dalam senarai ekonomi yang kompetitif di dunia mendahului Jepun dan Korea Selatan. Tahap ini bukan ditentukan oleh mana-mana agensi penyelidikan ekonomi di Malaysia. Sebaliknya, tahap kesembilan ini ditentukan oleh sebuah pertubuhan berpangkalan di Geneva yang dikenali sebagai World Economic Forum menerusi laporannya berjudul "*The Global Competitiveness Report*." Competitiveness sesebuah negara menurut World Economic Forum yang dianalisis oleh World Economic Forum ini bergantung kepada lapan faktor utama; keterbukaan, kerajaan, kewangan, teknologi, infrastruktur, pengurusan buruh serta institusi. Malaysia dikategorikan oleh badan ini di dalam golongan top three, dengan izin, di dalam aspek improvement in governmental policies dan di dalam kalangan top ten, dengan izin, mengenai sektor-sektor yang berkaitan dengan kerajaan, kewangan dan juga infrastruktur.

Jadi, kalaulah pada bulan Mei 1997, Malaysia dikategorikan sebagai negara yang mempunyai tahap kompetitif yang ke-9 tingginya di dunia dari kalangan

53 negara lain yang dianalisis, mengapakah hari ini dengan tidak semena-mena sahaja Malaysia jadi lemah mata wangnya dan Malaysia jadi longlai prestasi bursa sahamnya?

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya persoalan-persoalan seperti yang saya gariskan di ataslah yang mendorong Malaysia berpendirian tegas bahawa apa yang berlaku ke atas Malaysia dan jiran-jirannya sekarang adalah angkara manipulator mata wang seperti Soros. Memang Soros bermati-matian menafikan perkara ini. Namun begitu, sebuah laporan Utusan Malaysia 14 Oktober 1997 menyatakan bahawa manusia yang bernama Soros ini memang telah mempunyai rekod memanipulasikan mata wang dunia beberapa tahun lalu. Laporan itu menegaskan bahawa pada tahun 1992, Soros pernah menjual British Pounds sejumlah AS\$10 bilion. Akibatnya, British Pounds jatuh merudum dan Mekanisme Rating Eropah (ERM) yang ketika itu masih di peringkat cadangan pun telah dibatalkan.

Angkara Soros seperti di ataslah yang telah mendorong Malaysia untuk mendesak Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia supaya meregulasikan perniagaan mata wang dunia menerusi garis panduan serta undang-undang yang perlu diwujudkan dengan seberapa segera. Saya gembira mendapat tahu bahawa seluruh negara ASEAN yang terjejas oleh angkara Soros ini telah bersetuju menyokong cadangan Malaysia. Kumpulan Negara G15 yang dijadualkan bersidang di Kuala Lumpur awal November depan juga dikatakan bersikap positif ke arah cadangan Malaysia. Ini bermakna bahawa cadangan Malaysia adalah praktikal dan pendirian tegas Perdana Menteri Malaysia mengenai hal ini adalah berasas.

Bagaimanapun, saya juga mendapat tahu bahawa kini memang terdapat beberapa tantangan atau bantakan terhadap inisiatif Malaysia ini. Tantangan itu dikatakan wujud di kalangan sesetengah pemimpin tertinggi Bank Dunia sendiri dan juga di kalangan beberapa tokoh berpengaruh di Amerika Syarikat. Soalnya di sini, adakah tantangan itu wujud oleh kerana cadangan Malaysia tidak praktikal ataupun tantangan wujud kerana ianya diwarnai oleh sentimen yang mencerminkan pendirian sesuatu kelompok manusia tertentu di dunia ini?

Oleh itu, saya mencadangkan kepada golongan yang dilaporkan menentang cadangan Malaysia ini

supaya mereka mengkaji semula satu kertas kerja bertajuk *Control Options For International Currency Speculation* yang telah pun dihalusi oleh Negara-negara G7 yang bersidang di Lyon, Perancis pada 27 hingga 28 Jun 1996. Matlamat utama kertas kerja tersebut adalah mencari jalan untuk mengawal spekulasi mata wang di peringkat antarabangsa kerana aktiviti spekulasi yang bermaharajalela didapati keterlaluhan dan membahayakan ekonomi sesebuah negara, terutamanya negara kecil ataupun negara membangun.

Oleh itu, saya harap pihak IMF dan juga Bank Dunia akan bertindak secara pragmatik dan tanpa batas-batas sentimen apa jua sekalipun di dalam menangani cadangan Malaysia. Janganlah apabila sesuatu cadangan yang datang dari Malaysia atau mana-mana negara membangun, maka cadangan itu disifatkan sebagai tidak munasabah, biarpun cadangan yang serupa telah pun dihalusi oleh G7 setahun yang lalu. Saya yakin fakta-fakta mengenai Soros dan usaha G7 untuk meregulasikan perniagaan mata wang dunia pada 1996 seperti yang saya sebutkan di atas tidak akan sekali-kali menangkap minat media asing. Sebaliknya, mereka nampaknya lebih berminat untuk mengaitkan apa yang terjadi hari ini dengan kisah-kisah adu-domba kepimpinan di Malaysia dan juga di rantau ASEAN khususnya di antara Perdana Menteri dan Timbalannya. Contoh terbaru sekali ialah di dalam Majalah *The Economist*, 18 Oktober 1997, dalam salah satu sorotannya, *The Economist* mengatakan kononnya sebilangan pemimpin ASEAN agak kurang berminat untuk menangani masalah ekonomi semasa secara berkesan. Sebaliknya, menurut majalah itu seperti di Malaysia, majalah itu memfokuskan kepada soal kononnya sekarang perbezaan yang amat ketara wujud di antara Perdana Menteri dan Timbalannya. Ini, kata majalah tersebut berpunca dari soal pengganti Perdana Menteri yang belum jelas dan juga dari soal kononnya perbezaan pendekatan untuk menangani masalah ekonomi mutakhir. Inilah yang saya katakan fitnah dan manipulasi media asing yang seolah-olah terancang dan terselaraskan kebelakangan ini dengan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pihak Soros. Perdana Menteri sebenarnya telah berulang kali menyatakan bahawa Timbalan Perdana Menteri yang ada sekarang adalah pengganti apabila Perdana Menteri mengundurkan diri kelak. Timbalan Perdana Menteri pula sentiasa mengatakan bahawa beliau akan tetap setia kepada Perdana Menteri. Jadi, jelaslah bahawa masalah political-risk premium seperti yang disorot oleh *The Economist* itu berniat jahat dan seolah-olah sengaja

diada-adakan untuk mengelirukan pelabur asing melabur di Malaysia. Tidakkah usaha mengelirukan seperti ini tidak boleh ditafsir dengan syak dan wasangka di kalangan rakyat Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, malangnya, beberapa media di negara-negara jiran di dalam ASEAN juga nampaknya turut terheret-heret dan terbawa-bawa dengan propaganda anti-Mahathir yang disemaikan oleh pihak Barat. Contoh terbaru sekali ialah laporan akbar *The Nation* di Thailand, minggu lalu. Laporan itu pula dicetak semula oleh sebuah akhbar Inggeris di Singapura dan juga sebuah akhbar Tionghua di Singapura. Satu elemen fitnah yang dilaporkan oleh *The Nation* ialah kononnya Perdana Menteri Malaysia adalah tokoh yang juga bertanggungjawab melunturkan nilai Dolar Singapura di samping nilai Ringgit Malaysia sendiri. Saya faham bahawa media berkenaan mungkin tidak dikuasai oleh pemerintah Thailand. Tetapi, saya hairan kenapakah pula agaknya dua akhbar di Singapura yang memang akrab pertaliannya dengan pemerintah di Republik tersebut tergamak mencetak semula fitnah yang pada mulanya disiarkan oleh *The Nation* di Thailand? Saya kecewa dengan hakikat yang terjadi di Thailand dan Singapura ini.

Oleh itu, saya mendesak pihak Kementerian Luar Negeri Malaysia supaya membisikkan ke telinga pemerintah di Bangkok dan Singapura agar peristiwa-peristiwa kurang ajar seperti ini tidak berulang lagi di masa akan datang. Saya yakin pihak-pihak berkenaan di Thailand dan Singapura akan memahami rayuan ini kerana di dalam suasana hari ini kita amat memerlukan kemufakatan yang paling ikhlas dan jujur di Asia, khususnya di kalangan negara ASEAN. Jika tidak, semua pihak akan terdorong ke kancah adu-domba yang dirancang oleh pihak Barat.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah saya huraikan di atas menjurus kepada satu hakikat bahawa memang sekarang ini wujud elemen-elemen luar yang sedang mengganggu-gugat Malaysia dalam konteks ekonomi dan Kewangan. Saya harap usaha ganggu-gugat ini tidak turut menjejaskan pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC). Oleh itu, saya harap pihak kerajaan menerusi Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) yang mempunyai beberapa pejabat promosinya di luar negeri akan berusaha keras meyakinkan para pelabur luar untuk terus melabur di MSC. Jika sehingga Oktober 1997 sebanyak 137 syarikat telah memohon status MSC dengan pelaburan sejumlah RM1.08 bilion pada tahun pertama dan dijangka meningkat kepada RM1.84 bilion pada tahun kelima,

saya harap pihak MDC akan memastikan supaya pelaburan itu benar-benar masuk ke Malaysia.

Saya memberi ingatan ini kerana saya terdengar desas-desus dan ura-ura kebelakangan ini bahawa dikatakan sekarang sedang terdapat sebuah inisiatif antarabangsa untuk meyakinkan sesetengah pelabur antarabangsa dalam bidang teknologi maklumat supaya melaburkan wang mereka untuk kegiatan penyelidikan dan pembangunan teknologi maklumat di beberapa universiti terkemuka di Britain. Saya dengar desas-desus dan ura-ura bahawa inisiatif ini mempunyai pertalian rapat dengan kegawatan ekonomi yang sedang dialami oleh negara sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan syukur kepada Allah S.W.T. kerana episod duka yang sedang dilalui oleh Malaysia hari ini telah menjadikan semua pihak lebih bijaksana dan lebih prihatin di dalam menangani pengurusan negara. Di antara wisdom yang kita akui hari ini ialah kesedaran kita terhadap jumlah wang yang besar untuk mengimport bahan makanan dari luar negeri. Ini terbukti apabila import untuk bahan makanan dalam tahun 1989 sejumlah RM4.6 bilion telah meningkat hampir sekali ganda kepada RM9.1 bilion dalam tahun 1996.

Peningkatan ini sebahagiannya berpunca dari perubahan citarasa rakyat jelata Malaysia yang semakin mewah hidupnya. Contohnya, perangkaan membuktikan bahawa jumlah makanan yang diimport kebelakangan ini adalah 23.4% dari jumlah import. Dari jumlah tersebut, 21.5% adalah untuk import buah-buahan dan sayur-sayuran, 19.5% adalah untuk import ikan, 15.1% untuk import daging dan hanya 10.5% untuk mengimport beras. Dari sejumlah RM9.1 bilion makanan yang diimport dalam tahun 1996, RM2.5 bilion adalah untuk bijiran dan grains, termasuklah RM475 juta untuk beras, RM1.3 bilion untuk sayur-sayuran dan buah-buahan, RM600 juta untuk daging dan RM830 juta untuk makanan laut.

Para pemimpin tertinggi negara memang menyedari hakikat ini dan sering menyarankan supaya ianya diatasi segera. Tetapi, tidak banyak yang telah dilakukan. Ini kerana beberapa faktor termasuklah kekurangan tenaga buruh dan juga kecenderungan yang lebih ke arah pertanian ladang. Tetapi apabila nilai Ringgit kini kian merosot, sesuatu yang drastik dan segera perlu dilaksanakan oleh semua pihak. Jika tidak, wang negara akan terus mengalir keluar dengan jumlah yang semakin besar.

Oleh itu, saya amat mengalu-alukan inisiatif yang akan dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Pada waktu yang sama, saya

mencadangkan supaya sektor swasta juga digalakkan untuk menerokai pengeluaran makanan secara komersial dan besar-besaran. Mereka mempunyai kepakaran yang diperlukan. Tetapi mereka juga kekurangan komitmen dan kemudahan kewangan. Jadi, pihak kerajaan hendaklah sama-sama memikirkan jalan untuk mengatasi penglibatan pihak swasta ini di dalam pengeluaran makanan.

Bagaimanapun, menggalakkan penglibatan pihak swasta di dalam pengeluaran makanan di dalam negara bukanlah satu-satunya sahaja cara untuk mengatasi import makanan yang besar jumlahnya. Satu cara lagi ialah dengan menggalakkan pihak swasta Malaysia menceburi rangkaian 'supply' pembekalan serta rangkaian import eksport makanan antarabangsa yang kini di monopoli sepenuhnya oleh orang-orang Barat. Langkah ini boleh mengurangkan pergantungan kepada Dolar Amerika Syarikat di dalam perdagangan dan pembekalan makanan masuk ke negara ini.

Oleh itu, kerajaan hendaklah menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia supaya mengantarabangsakan (internationalise) dengan izin, operasi mereka di dalam industri makanan. Contohnya, syarikat-syarikat tempatan hendaklah digalakkan menerokai usaha pengeluaran makanan di seberang laut.

Pada waktu yang sama, syarikat-syarikat food-based atau yang berasaskan makanan di Malaysia juga hendaklah didorong untuk mewujudkan networks dan rangkaian usahasama dengan pengeluar-pengeluar dan pembekal-pembekal makanan di luar negara. Usaha-usaha seperti ini akan hanya berjaya sekiranya syarikat-syarikat yang berminat mendapat dukungan yang sewajarnya dari pihak kerajaan.

Berdasarkan hakikat di ataslah, maka saya mencadangkan langkah-langkah berikut dilaksanakan oleh pihak kerajaan dengan seberapa segera:

- (i) menggalak dan menyelaraskan secara sistematik penyertaan sektor swasta Malaysia di dalam industri pengeluaran makanan secara besar-besaran, sama ada di dalam ataupun di luar negara;
- (ii) menggalak serta menyelaraskan secara sistematik penyertaan sektor swasta Malaysia di dalam pengedaran dan pemasaran bahan makanan di dalam dan di luar negara. Usaha ini hendaklah diarahkan kepada kewujudan rangkaian pengedaran dan pemasaran bahan makanan oleh sektor swasta Malaysia secara global di masa akan datang;

- (iii) menggalak serta menyelaraskan secara sistematik, usaha sektor swasta Malaysia di dalam usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) industri makanan di negara ini;
- (iv) menggalak serta menyelaraskan secara sistematik, penyelarasan usahasama sektor swasta Malaysia dengan sektor swasta asing di ketiga-tiga bidang yang saya sebutkan sama ada dalam bidang penanaman bahan makanan secara komersial, bidang pemasaran dan juga bidang pengedaran dan juga bidang R&D; dan
- (v) menggalak serta menyelaraskan secara sistematik, pembiayaan kewangan kepada sektor swasta di ketiga-tiga bidang untuk menambahkan bahan-bahan keluaran makanan untuk 'consumption' tempatan;

Saya harap pihak kerajaan akan memperdalam cadangan ini demi kepentingan negara dan demi kebangkitan sektor swasta Malaysia yang berwibawa di bidang industri makanan di dalam negara dan juga di peringkat global di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya memohon jasa baik kerajaan supaya di dalam saat-saat ini tidak ada peniaga Malaysia yang akan menanggung di air keruh dengan menaikkan harga barang-barang perlu secara sembrono. Oleh itu, usaha-usaha penguatkuasaan di dalam hal ini perlu dijalankan pada setiap masa dan dipastikan kerja-kerja penguatkuasaan itu juga adalah jauh dari rasuah. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya menerima banyak permohonan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya selepas pemimpin-pemimpin parti berucap, masa ucapan hendaklah dihadkan kepada 20 minit seperti yang lazim dibuat. Ini akan membolehkan ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat berucap.

Haraplah jangan membangkitkan apa-apa ketiadaan puas hati pula dengan kerana apa yang saya buat ini ialah di atas dorongan ataupun di atas sungutan daripada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat pada masa yang lepas. Saya minta Sibu berucap 20 minit.

**4.35 ptg.**

**Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bangun untuk mengucapkan tahniah dan penghargaan yang ikhlas kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang dihormati terhadap Ucapan Belanjawan 1998 yang begitu realistik, praktikal dan surgical di Dewan yang mulia ini pada 17 Oktober 1997.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan ini sangat unik kerana ianya telah dibentangkan untuk menyelesaikan krisis Ringgit Malaysia yang lemah sebanyak 20.1% dan menjimatkan harga pasaran saham Malaysia lebih daripada 21.9% ataupun kerugian sebanyak RM182.96 bilion semenjak tempoh dari Disember 1996 ke 1 Julai 1997.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh beberapa bulan 20 juta rakyat Malaysia telah rugi sebahagian besar jumlah kemewahan berharga sahaja yang telah mereka bina dalam dekad yang lepas, tiba-tiba pelan pembangunan induk yang dicita-cita untuk negara kita mencapai Wawasan 2020 berada di dalam keadaan tergugat dan keyakinan rakyat kita, begitu juga pelabur-pelabur asing terhadap ekonomi Malaysia telah menjadi tidak teguh.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sukar ini saya menyokong sepenuhnya seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk menjadi lebih berdisiplin berazam dan bersatu padu di dalam usaha bersama untuk belayar di dalam laut krisis ekonomi yang bergelora ini.

Seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dirumuskan di dalam falsafah Kung Fu Tzu, yang bijaksana tidak keliru yang berat telah tidak gundah gulana, yang berani tidak gentar.

Tuan Yang di-Pertua, pepatah Cina lama kita berkata, [*bercakap dalam bahasa Cina*] yang bermakna apabila kita hidup di dalam era yang aman, kita selalu berfikir akan setiap bahaya serupa dengan kisah Nabi Yusof tentang tujuh tahun kemarau selepas menikmati tujuh tahun kesempitan tentang persediaan tujuh tahun menghadapi masa-masa kemarau semasa waktu tujuh tahun subur.

Krisis kewangan yang melanda Malaysia adalah satu peluang bagi rakyat Malaysia untuk menunjuk kepada dunia bahawa kita rakyat Malaysia bersedia untuk menyelesaikan krisis buatan manusia ini dibawah semangat 'Malaysia Yakin Boleh'. Sudah tiba masanya bagi 20 juta rakyat Malaysia untuk menunjuk sifat 'a friend indeed is a friend indeed',

tiba masanya bagi 20 juta rakyat Malaysia untuk menunjuk sifat 'a friend indeed is a friend indeed', dengan izin, seperti kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mana berada di dalam keadaan yang begitu tertekan dan kita berdiri bersama-sama di belakang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi dan Kerajaan Barisan Nasional di dalam usaha bersama untuk menyelesaikan krisis kewangan kebangsaan ini.

Kejatuhan nilai Ringgit adalah satu peluang yang besar bagi Malaysia untuk menaikkan peranan bantuan Malaysia yang dieksport yang mana adalah lebih murah untuk dihasilkan dan lebih berdaya saing di dalam pasaran dunia.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga Ringgit yang murah akan memperkembangkan industri pelancongan yang dianggar untuk menerima 10.7 juta pelancong pada tahun 1998 dengan pendapatan sebanyak RM14 bilion. Ringgit yang lemah akan secara automatik mengurangkan pengimportan dan mana selanjutnya akan diturunkan oleh kenaikan cukai import yang mana akan membantu memulih defisit akaun semasa.

Saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan di atas keputusan beliau untuk membuat pra pembayaran sebanyak RM16.5 bilion hutang luar sebelum kejatuhan nilai Ringgit dan sekarang kita hanya mempunyai RM10 bilion hutang luar berbanding dengan RM60 bilion rizab asing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan betulnya menyatakan satu peraturan baru harus dirumuskan oleh badan-badan antarabangsa seperti IMF dan Bank Dunia untuk mengandungi nilai mata wang dan pasaran modal. Krisis kewangan yang melanda adalah kebanyakannya disebabkan oleh pengurus dana asing yang mempunyai ketua-ketua kuasa kewangan dan pengetahuan memainkan peranan di dalam peraturan kewangan kerajaan diselesaikan dan membuat berbilion-bilion Dolar dengan menggunakan negara-negara miskin dan rakyat mereka.

Pemilik pengurus dana asing tersebut bersama dengan pengikut-pengikut domestik kecil mereka mempunyai nilai etika moral dan kebudayaan yang sedikit untuk mempertimbang kepentingan rakyat biasa, selain daripada ingin membuat keuntungan yang banyak.

Malaysia berpegang teguh kepada polisi pasaran ekonomi terbuka dan harus bekerja dengan lebih keras lagi untuk mengawal manipulasi dengan:-

- (a) merayu kepada IMF dan membantunya untuk membuat satu peraturan baru terhadap mata wang dan perdagangan saham;
- (b) memperkukuhkan lagi asas ekonomi yang sudah sedia kuat demi untuk memperteguhkan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan sihat;
- (c) mempertahankan kestabilan politik yang kuat;
- (d) konsisten dalam polisi ekonomi dan peraturan kewangan kita;
- (e) membasmi defisit akaun semasa secepat mungkin;
- (f) mengurangkan hutang luar; dan
- (g) mengawal inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju sepenuhnya dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan bahawa kenaikan kos disebabkan oleh kelemahan Ringgit haruslah diserapkan dengan menaik produktiviti dan kecekapan dan tidak harus diturunkan kepada penggunaan pengguna yang mana kuasa pendapatan membeli mereka telah dikurangkan dengan banyaknya oleh kejatuhan nilai Ringgit.

Sementara itu kadar faedah tidak harus dinaikkan terlalu banyak demi untuk memperkembangkan Ringgit kerana ianya akan jikalau terlalu tinggi memusnah SMI seperti yang telah dialami oleh Australia baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun 1998 ini merupakan satu belanjawan yang terikat dan belanjawan yang berkeyakinan untuk berkembang dengan perlakuan pembedahan tertentu untuk mengembalikan keyakinan, mengurangkan defisit akaun semasa dan mengembalikan nilai Ringgit dan pasaran modal tanpa berkompromi untuk pembangunan produktiviti dan mempertingkatkan pendidikan, kesihatan, alam sekitar, infrastruktur, kesenian dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpuas hati melihat insentif cukai yang berikut diberi untuk menggalak eksport. Bagi sektor perkilangan, syarikat pengeksport yang mempunyai nilai ditambah 30% diberi pengecualian cukai sebanyak 10% daripada nilai peningkatan eksport dan 50% nilai ditambah beserta cukai pengecualian sebanyak 15% daripada nilai peningkatan eksport.

Bagi sektor pertanian dan perkhidmatan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 10%

daripada nilai peningkatan eksport diberi. Begitu juga dengan bangunan pergudangan untuk kemudahan eksport cepat disusut nilai sepenuhnya dalam jangka masa 10 tahun berbanding dengan 45 tahun.

Walau bagaimanapun, saya merayu kepada kerajaan untuk mempertimbang semula terhadap duti import jentera berat untuk tidak menaikkan bagi industri pembalakan yang mengeksport lebih daripada 80% kekurangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada prinsipnya saya bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan terhadap pelbagai langkah terutama sekali menaikkan cukai import untuk mengurangkan import. Tetapi saya ingin merayu kepada kerajaan untuk mempertimbangkan semula kenaikan duti import terhadap peralatan berat dan bahan-bahan bangunan untuk industri pembinaan kerana Malaysia masih lagi memerlukan lebih banyak rumah terutama sekali rumah kos rendah di mana harganya haruslah dikekalkan kepada tahap yang mampu dan kerajaan boleh mengatur jumlah volume, dengan izin, pembinaan dengan mengawal permit bangunan yang dikeluarkan.

Sementara saya menghargai kenaikan duti import terhadap kereta-kereta dan motosikal asing, saya merayu kepada kerajaan untuk dengan tegas mengawal kestabilan kenaikan harga kereta dan motosikal buatan tempatan dan langkah-langkah ini haruslah berupa sementara kerana kepentingan pengguna yang majoriti di dalamnya haruslah memenangi kepentingan pekilang-pekilang kereta dan motosikal tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya cadangan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan untuk memperkukuhkan pembangunan sektor perkhidmatan seperti pelabuhan perkapalan dan perkhidmatan udara dan perkhidmatan profesional dan penasihat insurans dan sebagainya.

Masanya sudah tiba untuk Malaysia menggunakan sepenuhnya kemudahan perkhidmatan kita sendiri dan bukanlah mengguna perkhidmatan negara jiran kita. Walau bagaimanapun, sektor perkhidmatan kita harus membuktikan diri mereka kepada nilai bagus dan kecekapan yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berpuas hati dengan peruntukan sebanyak RM12.459 bilion ataupun 21% daripada jumlah belanjawan keseluruhan kepada Kementerian Pendidikan dalam tahun 1998 yang merupakan masih lagi peruntukan yang terbesar di antara semua kementerian.

Kerajaan Barisan Nasional harus diucapkan tahniah di atas polisi pendidikan liberal terutama sekali terhadap mengekalkan untuk membina institusi pengajian tinggi swasta yang dikembar dengan universiti seberang laut. Saya amat berpuas hati dengan kenaikan peringkat peruntukan membina lebih banyak rumah dalam RM100 juta untuk kemudahan pinjaman kenderaan dan komputer kepada guru-guru sebagai penghargaan kepada pengiktirafan cemerlang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya merayu kepada kerajaan untuk lebih bermurah hati di dalam memberi bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah bantuan di mana pembangunan mereka kebanyakannya ditanggung oleh lembaga pengurusan sekolah sekarang.

Langkah-langkah boleh diadakan oleh kerajaan ialah membenar Lembaga Peperiksaan Sekolah untuk:

- (a) menggalak persatuan ibu bapa untuk mengembang secara sukarela terhadap pembangunan sekolah;
- (b) mempertimbang untuk membuat kembali seperti dahulu grant Ringgit ke Ringgit kepada Tabung Pembangunan Sekolah; dan
- (c) semua lembaga pengurusan sekolah mengenakan pembayaran pembangunan sekolah yang berpatutan kepada pelajar-pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, saya harus mengucap tahniah kepada Menteri Pendidikan di atas kepimpinan dinamik beliau di dalam memupuk pertalian rapat di dalam meningkat pelajaran bahasa Mandarin di Malaysia dan bahasa Malaysia di negara China melalui memorandum persefahaman yang mana saya harap akan membolehkan Jabatan Pendidikan untuk menggaji guru-guru bahasa Mandarin daripada negara China untuk mengisi kekosongan guru bahasa Mandarin di SRK(C) di Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Sedikit sahaja lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Saya gulung. Pembangunan 60 sekolah-sekolah menengah bebas Cina harus mendapat bantuan kewangan yang adil daripada kerajaan dan akhir kata saya tentang

pembangunan infrastruktur Sarawak, saya haraplah kerajaan harus membuat follow up, dengan izin, kerana implementasi bekalan elektrik luar bandar (REH) terlalu lewat oleh syarikat kontraktor, saya haraplah kerajaan akan memberi perhatian dan saya ingin bertanya Jambatan Dureen bila akan dibuat di seberang Sungai Rajang. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Batu Gajah.**

**4.55 ptg.**

**Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana telah memberi peluang kepada saya untuk membahas Belanjawan 1998 dan juga menyuarakan beberapa isu pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang telah berjaya meningkatkan kedudukan ekonomi Malaysia serta menjadikan Malaysia sebuah negara yang pesat membangun. Malahan untuk tempoh beberapa tahun lalu, Malaysia berjaya mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi pada 8% setahun dan kadar inflasi dikekalkan di bawah 4%. Cuma akhir-akhir ini sahaja negara kita dilanda masalah jerebu dan juga kejatuhan nilai Ringgit disebabkan negara lain. Begitupun, negara kita telah menghantar pasukan Bomba untuk membantu memadamkan kebakaran hutan di Indonesia yang dikenalpasti sebagai punca masalah jerebu di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan krisis ekonomi yang melanda negara kita, dalam sekelip mata negara kehilangan 25% daripada nilai mata wang negara, meskipun demikian Perdana Menteri Malaysia masih bekerja keras untuk menangani masalah tersebut dalam siri lawatan beliau di luar negara, beliau turut membidas individu berkenaan yang telah menyebabkan krisis ini berlaku. Oleh yang demikian kita sebagai rakyat Malaysia haruslah bersama-sama membantu beliau dalam menangani krisis tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada menyarankan agar jabatan-jabatan kerajaan mengurangkan kos aktiviti mereka sebanyak 2%. Nasihat Kerajaan Pusat agar semua pihak berjimat cermat itu haruslah dipandang serius dan dipraktikkan oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Belanjawan 1998, ramai yang mengharapkan Belanjawan yang

lebih baik dari tahun sebelumnya. Sejak tahun 1995 dan 1996 Malaysia menghadapi perkembangan ekonomi yang memuncak dan inflasi kekal pada tahap di bawah 4%. Kerajaan juga telah berjaya mengurangkan cukai import barangan untuk lebih 100 barang-barang kegunaan harian.

Walau bagaimanapun, apabila cukai dinaikkan pada tahun ini, rakyat merasa agak kecewa sungguhpun begitu, saya berharap agar seluruh rakyat Malaysia memahami strategi kerajaan dalam serangan daripada negara luar. Saya percaya lambat laun negara kita akan dapat mengatasi masalah tersebut. Namun buat masa ini, kerajaan tidak mempunyai alternatif lain untuk mengatasinya, malahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri telah mengarahkan agar jabatan-jabatan kerajaan negeri menggunakan Proton Perdana bagi menggantikan kereta import seperti Mercedes dan Volvo. Oleh itu, rakyat hendaklah cuba mengurangkan lain-lain barangan import yang tidak perlu seperti microwave, kereta dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama saya berharap kerajaan tidak membebankan rakyat dengan kenaikan bayaran tol dan lain-lain, tambahan pula saya difahamkan bahawa sehingga tahun 2020 bayaran tol tidak akan kurang daripada RM100 untuk perjalanan dari Ipoh ke Kuala Lumpur, sedangkan bayaran petrol untuk jarak perjalanan yang sama tidak lebih daripada RM30 hingga RM40 sahaja.

Keadaan ini tidak dapat dielakkan memandangkan perjanjian telah ditandatangani dengan pihak projek Lebuhraya Utara-Selatan. Oleh itu, saya bercadang agar tempoh kontrak kerajaan dengan pihak PLUS dilanjutkan daripada 30 tahun ke 60 tahun atau 90 tahun agar mereka mendapat keuntungan jangka panjang tanpa membebankan rakyat. Cara sedemikian akan memanfaatkan kedua-dua pihak baik kerajaan mahupun rakyat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana walaupun dalam suasana negara menghadapi krisis ekonomi, kerajaan masih mampu memberi bonus sebulan gaji kepada anggota perkhidmatan kerajaan. Langkah ini juga telah dipraktikkan sejak beberapa tahun lalu.

Walaupun bayaran tersebut dibuat dalam dua peringkat RM500 pada bulan Disember tahun ini dan selebihnya pada bulan April tahun hadapan, saya

harap anggota perkhidmatan awam akan berpuas hati jika keadaan ekonomi telah pulih kelak, saya harap kerajaan akan dapat mempertimbangkan untuk memberi bonus dua hingga tiga bulan gaji.

Di samping itu, saya juga mendapati ada di antara negeri-negeri yang turut memberikan bonus kepada anggota perkhidmatan awam di negeri masing-masing. Saya harap langkah ini diikuti oleh semua negeri lain sebagai tanda penghargaan kepada anggota-anggota perkhidmatan awam baik di peringkat Kerajaan Pusat mahupun di peringkat negeri, ini adalah sebagai suatu dorongan kepada mereka agar bekerja dengan lebih kuat dan dedikasi serta sentiasa memikirkan untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa gembira kerana kerajaan menggalakkan hospital-hospital swasta untuk menyediakan wad rakyat dengan mengurangkan cukai bagi hospital berkenaan. Cara demikian akan dapat membantu golongan berpendapatan rendah daripada membanjiri hospital-hospital kerajaan.

Di samping itu, saya juga menyeru agar kerajaan mengadakan sedikit kawalan terhadap kadar bayaran perkhidmatan yang dikenakan kepada pesakit oleh hospital swasta, ini kerana bayaran tersebut biasanya terlalu tinggi, misalnya untuk suatu pembedahan kecil seorang pesakit dikenakan bayaran antara RM3,000 hingga RM4,000. Saya menyeru perkara ini kerana tanpa disedari ia akan juga menyumbang kepada inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pasaran saham. Negara kita telah pun mengalami kejatuhan pasaran saham pada tahun 1986, selepas itu keadaan menjadi semakin baik dan pasaran saham terus meningkat perlahan-lahan. Malahan pasaran saham dikawal oleh pengurusan asing dan kini ia mengalami kejatuhan semula. Walau bagaimanapun, saya berpendapat kerajaan tidak boleh menyekat individu asing daripada menembusi pasaran saham negara. Ini kerana tanpa mereka, pasaran saham negara tidak akan bergerak aktif.

Sebaliknya saya berpendapat kerajaan boleh berperanan sebagai pemerhati serta mengawal mereka dalam hal ini agar tidak melakukan spekulasi sehingga boleh menjejaskan pasaran saham negara kita. Sementara itu, rakyat tempatan hendaklah menjadikan saham sebagai suatu pelaburan dan tidak menjual terus saham mereka setelah mendapat sedikit keuntungan. Dalam erti kata lain, mereka

hendaklah mengelakkan unsur-unsur perjudian dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, saya menyarankan agar pihak kerajaan mengawal tindakan sesetengah bank yang memaksa individu untuk menjual saham ketika pasaran saham berada pada tahap yang kurang baik, walaupun individu tersebut sanggup membayar faedahnya. Dalam keadaan ini walaupun seseorang itu terpaksa membayar faedah kepada bank, ia masih boleh memberi manfaat berbanding dengan sekiranya individu dipaksa menjual saham.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pencegahan Rasuah telah pun diluluskan pada bulan Julai tahun ini, tetapi saya merasakan ianya masih kurang lengkap, ini kerana sesetengah pegawai kerajaan yang dituduh rasuah boleh meletakkan jawatan atau memilih untuk bersara lebih awal bagi mengelak isu berbangkit. Cara sedemikian mereka dengan mudah boleh melepaskan diri daripada tuduhan tersebut dan kesannya tidak seberapa. Sementara itu, public pula harus ditegaskan agar tidak memberi rasuah jika undang-undang ini meliputi si pemberi rasuah, saya percaya gejala ini dapat dikurangkan, ini kerana public juga memainkan peranan penting dalam membantu kerajaan merangkumi masalah rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai setinggan. Saya amat bersetuju dengan langkah kerajaan negeri untuk membanteras kemunculan kawasan setinggan baru kerana ia akan menimbulkan masalah kemudahan harian. Walau bagaimanapun, saya harap penduduk setinggan lama terutama yang telah diberi TOL atau Sijil Layak Menduduki Sementara dan yang dipindahkan oleh kerajaan atas dasar penempatan semula, diberikan keutamaan dalam proses pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun soal tanah adalah soal negeri, namun saya harap Kerajaan Pusat turut campur tangan dan memberi garis panduan demi menjaga golongan berpendapatan rendah. Dalam kes-kes tertentu, kerajaan juga perlu memikirkan soal keadilan dan kemanusiaan kepada rakyat. Jika kerajaan mahu kerjasama daripada rakyat, apalah kiranya kerajaan juga turut membantu serta memberi kerjasama kepada mereka.

Saya perhatikan banyak kampung Melayu, kampung baru Cina dan India yang penduduknya telah tinggal di situ sejak beberapa generasi lagi iaitu antara 30 tahun hingga 40 tahun. Sesetengahnya telah tinggal atas dasar penempatan semula kerajaan

dan sesetengahnya telah menerima sijil kelayakan menduduki sementara (TOL) daripada pejabat tanah. Sebagai contoh, di kawasan saya terdapat banyak kampung-kampung baru yang dihuni oleh kaum Melayu, Cina dan India, terdapat sebuah kampung tersusun yang penduduknya terdiri dari kaum Cina, Melayu dan India dan mereka ini telah diberi sijil layak menduduki sementara sejak awal tahun 60-an dan 70-an lagi. Setelah diberikan janji untuk memproses permohonan mereka dan penduduk pun telah menyediakan segala keperluan seperti pelan BU dan sebagainya, hakmilik tanah tidak juga diperolehi, tiba-tiba tanah tersebut diluluskan kepada sebuah syarikat swasta untuk dimajukan dan penduduk di situ diarah keluar. Keadaan yang sama berlaku kepada penduduk-penduduk Kampung Pinang di Pusing, Perak. Mereka telah diberi sijil kelayakan menduduki lebih daripada 40 tahun dan kini mereka telah dipaksa keluar dari tempat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kerajaan negeri tidak adil terhadap mereka, mengapakah kita harus mengamalkan pilih kasih sebegini terutama kepada golongan seperti mereka yang kebanyakannya berpendapatan rendah, kita boleh membantu rakyat negara lain yang menghadapi kesusahan seperti Bosnia dan membantu 800,000 kanak-kanak mangsa kebuluran di Korea Utara, namun mengapa sebagai negara yang mengamalkan masyarakat penyayang, kita tidak boleh membantu rakyat kita sendiri terutamanya golongan yang berpendapatan rendah seperti penduduk-penduduk kampung tersusun yang saya nyatakan tadi.

Saya berpendapat, jika kita hendak menunjukkan keprihatinan kepada negara lain, rakyat negara kita juga tidak harus dilupakan. Jika kerajaan negeri benar-benar mahu membangunkan kawasan itu, saya berharap mereka haruslah diberikan keutamaan seperti memberikan alternatif tempat yang lain atau memberikan pampasan yang secukupnya kepada mereka.

Oleh kerana telah sekian lama kerajaan kita tidak bertukar di bawah sokongan rakyat seperti mereka, saya harap soal pilih kasih seperti ini tidak timbul, semoga ianya dapat dibincang di peringkat Jemaah Menteri, semoga kerajaan negeri juga dapat mencari suatu jalan, sama ada untuk menempatkan mereka semula di tempat lain atau memberi pampasan secukupnya kepada mereka demi mencapai hasrat kerajaan dalam masyarakat penyayang. Ini kerana mereka juga mempunyai anak-anak yang bersekolah dan sekiranya mereka tidak mempunyai tempat untuk berlindung, bagaimana mereka dapat belajar

dalam tenteram seterusnya mereka memberi sumbangan kepada negara apabila tiba masanya kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada atlet-atlet sukan tanah air yang berjaya memenangi 55 pingat emas dalam Sukan SEA di Indonesia baru-baru ini. Namun saya ingin memberi sedikit komen mengenai Sukan Komanwel 1998. Saya berpendapat publisiti mengenainya terlalu kurang sebagai contoh baru-baru ini telah diadakan perlawanan Bolasepak Remaja Antarabangsa di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Namun apa yang dilihat di kaca TV penontonnya terlalu kurang, malahan saya sendiri tidak sedar bahawa perlawanan yang sedang berlangsung ketika itu bertaraf antarabangsa.

Saya mencadangkan untuk perlawanan seperti itu kerajaan mengedarkan tiket melalui sekolah-sekolah baik dengan harga yang munasabah atau diberi percuma, galakkan pelajar-pelajar sekolah menonton perlawanan tersebut beramai-ramai agar ia nampak lebih meriah.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menegur sikap rakyat kita yang suka membuang sampah merata-rata, selepas itu pelbagai langkah dan kempen dijalankan bagi menangani masalah sampah yang bertaburan.

Tuan Yang di-Pertua, di Bandaraya Ipoh dari Januari hingga Ogos tahun ini, 168 kompaun dikeluarkan berkaitan sampah sarap dan 238 kompaun lagi atas kesalahan membakar sampah secara terbuka. Kesemua kes telah dikenakan di bawah undang-undang kecil pelupusan dan pemungutan sampah sarap (MPI) 1986. Cara sedemikian kurang berkesan dalam memberi kesedaran awam, mereka membayar denda serta mengulangi kesalahan yang sama. Oleh itu, saya cadangkan agar mereka yang didapati bersalah membuang sampah sarap dimerata tempat dikenakan denda membersihkan kawasan awam agar mereka sedar tanggungjawab mereka dalam menjaga kebersihan.

Sementara itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga perlu menetapkan garis panduan bagi mengawasi pihak berkuasa tempatan yang gagal menjalankan tugas mereka menjaga kebersihan seperti membiarkan longkang tersumbat, tidak mengutip sampah mengikut jadual dan membenarkan jentik-jentik membiak di tandas awam dan juga air pancut, longkang-longkang tepi jalan dan lopak-lopak di bahu jalan. Adanya

tanggungjawab di antara pihak berkuasa tempatan dan orang awam pasti menjayakan Kempen Anti Sampah kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan sesetengah pihak berkuasa tempatan tidak menjalankan penilaian semula dalam tempoh lima hingga sepuluh tahun sepertimana yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, saya berpendapat di saat-saat negara mengalami kemelesetan ekonomi dan krisis kewangan ini, bukanlah masanya untuk menjalankan penilaian semula cukai taksiran. Tambahan pula perkhidmatan sudah diswastakan dan kemungkinan tidak lama lagi perkhidmatan kutipan sampah sarap juga akan diswastakan. Oleh yang demikian, pihak berkuasa tempatan tidak memerlukan tambahan cukai tafsir untuk menjalankan operasinya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang membimbangkan ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta gulung.

**Tuan Yeong Chee Wah:** Oh, saya ada sedikit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan Yeong Chee Wah:** Jika kadar cukai taksir naik atau penilaian mengikut pasaran semasa menyebabkan jumlah cukai taksir yang perlu dibayar kepada pihak berkuasa tempatan naik, maka akan berlakunya inflasi, ini memandangkan segala-galanya perlu dibayar oleh rakyat termasuk perkhidmatan pembedungan, sampah dan juga melalui tol.

Berdasarkan itu juga, saya berharap agar tidak sewenang-wenangnya memberi kontrak penswastaaan kepada perkhidmatan kutipan sampah, ini kerana perkhidmatan pembedungan juga telah diswastakan. Jika segala-galanya telah diswastakan, maka apakah gunanya cukai taksir dikutip dan apa pula fungsinya pihak berkuasa tempatan.

Oleh itu, saya berharap kerajaan akan berhati-hati dalam soal penswastaaan ini kerana ia sudah pasti akan menyusahkan rakyat dan menyebabkan inflasi. Adalah tidak adil sekiranya kerajaan melaung-laungkan kempen inflasi sifar tetapi rakyat harus membayar sebahagian besar perkhidmatan dengan harga yang mahal, malahan mereka tidak mempunyai pilihan dalam menghadapi inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata sedemikian, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ledang.

5.15 ptg.

**Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan dan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan khususnya di atas pembentangan Belanjawan 1998.

Satu belanjawan berjimat cermat khusus untuk menghadapi suasana dan iklim ekonomi yang berjerebu dalam usaha kita memulihkan semula keyakinan rakyat dan dunia seluruhnya terhadap keutuhan ekonomi negara.

Malaysia yang kini sedang berhadapan dengan krisis mata wang yang gawat, serangan dan manipulasi terhadap mata wang negara dan kejatuhan harga-harga saham yang begitu teruk bukan sahaja menjejaskan pelabur-pelabur besar, tetapi juga turut ditanggung oleh pelabur-pelabur kecil, orang kampung, rakyat marhain yang baru hendak berjinak-jinak dengan dunia pelaburan melalui amanah-amanah saham yang wujud seperti cendawan di musim hujan semasa ekonomi berada dalam keadaan baik dahulu seperti ASJ, Dana Johor, Amanah Saham Selangor, Amanah Saham Sarawak, Amanah Saham Kedah dan lain-lain kerana menyambut seruan kerajaan supaya rakyat menanamkan tabiat menabung dan berjimat cermat telah terperangkap dalam kemelut ekonomi ini.

Di samping kerugian yang ditanggung akibat daripada kejatuhan harga saham-saham tersebut, mereka yang berhutang di bank-bank untuk membeli saham-saham amanah tersebut kini dikejar oleh bank supaya membuat bayaran tambahan kerana di samping hutang bulannya kerana dividen yang diterima tidak mencukupi untuk menampung hutang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, jika perbuatan manipulasi untuk mengaut keuntungan besar dengan cepat dan mudah ini dilakukan oleh pihak-pihak luar, kita masih boleh menerima hakikat ini kerana bagi mereka yang penting ialah keuntungan. Peduli apa dengan soal suara hati, peduli apa dengan soal moral dan peduli apa dengan soal peri kemanusiaan. Orang-orang seperti ini hati nurani mereka telah tertutup daripada nilai-nilai tersebut, sikap tamak, rakus dan angkuh telah menguasai seluruh hati nurani mereka. Tetapi yang lebih kita kesalkan ialah jika benar dakwaan ada pihak dan pelabur-pelabur besar dalam negeri sendiri yang terlibat dan mengambil kesempatan dan menanggung di air keruh, mengaut keuntungan yang besar dengan

berniaga di atas angin, di saat-saat negara sedang bergelut dengan tekanan dan serangan yang hebat daripada luar dan membawa kepada kejatuhan harga saham ke peringkat yang lebih parah tanpa sedikit pun merasa bertanggungjawab dan rasa simpati terhadap negara malah sama tamak dan rakusnya dengan penyangak-penyangak daripada luar dan dengan penuh kerakusan membina kekayaan di atas keringat dan air mata rakyat miskin di desa-desa, di kampung-kampung, anak-anak sekolah dan di atas keruntuhan ekonomi negara, nama-nama mereka ini perlu didedahkan kepada umum dan tindakan sewajarnya diambil.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

Mereka tidak harus dibiarkan membina kekayaan di atas keruntuhan dan kemusnahan dan air mata rakyat miskin.

Tuan Yang di-Pertua, yang lebih penting daripada itu ialah kita sama sekali tidak mahu minat rakyat yang baru hendak berputik dan mula berjinak-jinak dengan dunia pelaburan itu punah dan menjadikan rakyat merasa takut dan hilang keyakinan terhadap sebarang bentuk pelaburan. Jika ini berlaku hasrat kerajaan untuk melatih dan mendidik rakyat jelata khususnya golongan bumiputera untuk melibatkan diri dalam arena pelaburan dan supaya bidang ini tidak didominasi oleh satu-satu kaum tertentu akan menemui kegagalan kerana minat yang baru mula berputik ini dipatahkan oleh pengalaman ngeri yang berlaku semenjak bulan Julai yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat seluruhnya amat mengharapkan kebijaksanaan kerajaan dalam usaha mengatasi masalah ini dan adalah diharapkan belanjawan yang dibentangkan di Dewan ini akan memberikan satu keyakinan, harapan dan kekuatan baru kepada ekonomi negara dan semangat baru kepada rakyat secara umumnya.

Sesungguhnya kemelut ekonomi ini tidak boleh dibiarkan berlarutan, disebalik kita mengkagumi dan menghargai sokongan dan kesabaran yang ditunjukkan oleh rakyat disegenap lapisan, keyakinan mereka perlu dipulihkan segera.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kita juga amat mengharapkan supaya serangan terhadap mata wang dan usaha untuk melumpuhkan ekonomi negara yang sedang kita alami sekarang ini adalah dengan izin, a blessing in disguise. Ia seharusnya menyedarkan kita tentang hakikat bahawa pertumbuhan ekonomi yang telah kita bina selama ini adalah sebenarnya rapuh dan boleh dimusnahkan

dalam tempoh yang singkat iaitu dalam tempoh sebulan dua sahaja. Ianya mengajar kita supaya sentiasa berwaspada dan berhati-hati tidak khayal, leka dan lupa diri dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat dialami oleh negara. Ianya juga seharusnya mengajar kerajaan dan rakyat seluruhnya supaya sentiasa berjimat cermat dan berhemah dan tidak menjadi boros dan membazir apabila dianugerahkan dengan kemewahan. Kisah yang dipetik oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan daripada kisah Nabi Allah Yusof tentang tujuh tahun zaman mewah di Mesir di zaman pemerintahan Firaun boleh dimusnahkan oleh tujuh tahun zaman meleset jika langkah jimat cermat dan berwaspada tidak diambil oleh Nabi Allah Yusof.

Sesungguhnya kisah ini merupakan satu pelajaran yang amat berguna untuk kerajaan dan untuk rakyat seluruhnya supaya tidak mudah lupa diri, lupa daratan dan tidak bersyukur di atas limpahan rezeki oleh Allah itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mengharapkan supaya semua pihak berhati-hati, tidak mudah lupa diri dan alpa, kita juga ingin mencadangkan supaya kerajaan membentuk sebuah panel penasihat ekonomi negara yang diketuai oleh penasihat ekonomi yang ada sekarang ini, yang terdiri daripada pakar-pakar ekonomi tempatan dan juga melantik beberapa orang pakar ekonomi dunia yang berwibawa dan dihormati.

Panel ini berfungsi untuk mengikuti secara teliti perkembangan dan halatuju pertumbuhan ekonomi negara dalam konteks ekonomi global meramal atau fokus sesuatu kemungkinan dan menasihatkan kerajaan akan langkah-langkah ataupun kaedah yang pragmatik dan realistik yang difikirkan wajar diambil oleh pihak kerajaan.

Krisis ekonomi yang melanda negara sekarang ini harus mengajar kita untuk sentiasa melakukan pengamatan yang penuh teliti dan bijaksana dalam merancang pembangunan ekonomi negara. Untuk tujuan itu, kita amat memerlukan satu gabungan tenaga yang benar-benar bersepadu, berwibawa dan berkemahiran tinggi untuk menasihati kerajaan dan memandu hala tuju pembangunan ekonomi negara ke arah destinasi yang betul, lebih-lebih lagi untuk menangkis dan menghindari serangan terhadap ekonomi negara dalam pasca moden yang serba kompleks ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya Malaysia Institute of Economic Research (MIER) dirombak dan disusun semula selaras dengan tuntutan semasa dan yang

semakin mencabar. Ianya perlu dikendalikan oleh pakar-pakar ekonomi yang benar-benar berwibawa dan berkemahiran tinggi yang bukan sahaja untuk tujuan research, malah mampu menganalisa pertumbuhan dan kecenderungan ekonomi dunia dan serantau dan seterusnya mampu menasihati kerajaan dalam memacu halatuju ekonomi negara ke destinasi yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mengingatkan rakyat supaya berjimat cermat adalah penting bagi pihak kerajaan sendiri menunjukkan contoh dengan mengelakkan berlakunya sebarang bentuk pembaziran dan mengurangkan kos pengurusan seperti rasuah, membazir juga adalah dikutuk oleh agama dan manusia sejagat dan sudah pasti amat merugikan negara.

Kita amat sering melihat lampu-lampu di jalan raya termasuk di bandar-bandar telah mula dinyalakan walaupun hari masih terang benderang dan masih lagi menyala keesokan paginya tatkala sang matahari telah mula mengambil alih tugas tersebut. Jika seluruh negara berusaha menyelamatkan tenaga elektrik yang dipasang secara membazir untuk tempoh satu jam atau lebih pada setiap hari, berapa banyak tenaga dan wang dapat diselamatkan?

Jika kita sering terlihat paip-paip air yang pecah atau bocor dan terus berada dalam keadaan begitu sampai dua atau tiga hari tanpa diberikan perhatian sewajarnya oleh pihak yang berkenaan. Di pejabat-pejabat kerajaan lampu dan kipas terus terpasang walaupun pejabat kosong kerana kakitangan pejabat sedang berehat atau makan tengah hari. Berapa banyak wang negara dapat diselamatkan jika ada sikap prihatin, sikap sayangkan wang negara dan sikap anti pembaziran di kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan.

Jalan-jalan raya yang elok kerana baru diturap dengan tar, kemudian datang satu pihak yang lain sama ada TNB atau Telekom mengoreknya semula selepas itu peruntukan tambahan diperlukan untuk memperbaiki jalan tersebut. Dalam keghairahan kita berbincang tentang pembaziran ini, JPA sendiri nampaknya gagal menghayati erti berjimat cermat dan pengurusan berhemat serta gagal memperlihatkan contoh yang baik dan sifat yang bijaksana apabila *Utusan Malaysia* keluaran 2 Oktober 1997 memaparkan cerita lima orang pegawai dihantar ke London untuk mengikuti Kursus Asas Komputer Dalam Pembangunan Luar Bandar, sedangkan kursus yang sama dengan kos yang lebih rendah boleh diikuti di negara ini. Lebih menyedihkan lagi, apabila kita dimaklumkan apa

yang dipelajari oleh pegawai-pegawai ini di London tiada kaitan langsung dengan pembangunan luar bandar.

Sistem edaran baja subsidi kerajaan kepada petani-petani yang dikendalikan oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) yang sering mendapat teguran daripada banyak pihak misalnya oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) baru-baru ini, peruntukan yang besar telah dikeluarkan oleh kerajaan melalui Kementerian Pertanian untuk membantu para pekebun dan para petani dengan memberikan subsidi baja untuk menambah produktiviti pertanian negara, tetapi sering didapati baja bertimbun-timbun terbungkalai di stor simpanan dan tidak disampaikan kepada sasarannya.

Mengikut kata Yang Berhormat Menteri Pertanian sendiri, adalah malang jika masalah ini berpunca daripada sikap tidak prihatin dan sambil lewa. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian di atas tegurannya yang ikhlas itu. Cuma apabila beliau menggunakan ungkapan, "saya tidak keberatan untuk mengambil tindakan terhadap organisasi terlibat jika perkara ini terus berlaku." Saya yang optimis pada mulanya segera menjadi pesimis kerana ungkapan seperti 'tidak keberatan untuk mengambil tindakan'. 'tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan' ataupun 'akan mengambil tindakan' adalah ungkapan-ungkapan yang amat lumrah, bersahaja dan amat simplistik.

Pembaziran negara seperti ini telah lama berlaku dengan berleluasa di mana-mana, penyelewengan demi penyelewengan terus juga berlaku tetapi kita masih lagi gemar, amat gemar dan popular dengan budaya 'tidak teragak-agak', 'tidak keberatan', 'akan mengambil tindakan' dan akhirnya 'pi mai pi mai tang tu jua'. Suasana ekonomi negara sekarang memerlukan lebih daripada jaminan 'lip service' yang bersahaja seperti itu. Negara memerlukan tindakan drastik yang bersungguh-sungguh untuk membanteras sikap membazirkan wang negara.

Sikap pegawai-pegawai dan organisasi yang dipertanggungjawabkan memikul amanah rakyat dan negara tetapi bersikap sambil lewa, tidak prihatin dan tidak acuh dan tidak amanah dan tidak komited dengan tugas dan tanggungjawabnya, tindakan yang tegas yang perlu diambil di atas nama dan kepentingan negara serta seluruh rakyat perlu dibuktikan dan disusuli dengan 'action' selaras dengan kata-kata 'that action is the best which procures the greatest happiness for the greatest numbers', dengan izin.

Kita amat berharap supaya pihak PAC akan terus meneliti dan mendedahkan kes-kes kecuaihan, pembaziran dan penyalahgunaan harta dan wang

negara seperti ini. Dan seterusnya memanggil pegawai-pegawai berkenaan untuk memberi penjelasan, sekiranya penjelasan itu tidak memuaskan, tindakan selanjutnya perlu diambil oleh kerajaan selaras dengan arahan kerajaan baru-baru ini seperti tindakan memotong gaji dan lain-lain yang sesuai dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, contoh-contoh pembaziran yang saya paparkan tadi hanyalah, dengan izin, 'the tip on the iceberg', banyak lagi pembaziran yang berlaku di mana-mana dan pembaziran ini sudah tentu boleh dielakkan jika ada sikap prihatin, sikap pertanggungjawaban dan perancangan yang teliti dan berhemat di pihak-pihak terbabit. Saya ingin mencadangkan supaya pihak kesatuan sekerja seperti CUEPAC, kesatuan-kesatuan guru, MTUC dan lain-lain di samping memperjuangkan tuntutan kenaikan gaji, elaun dan bonus perlu memastikan berlakunya peningkatan kualiti perkhidmatan di kalangan ahli-ahli kerana kenaikan gaji atau elaun tanpa disertai oleh peningkatan kualiti perkhidmatan adalah juga satu pembaziran yang amat nyata.

Kesatuan-kesatuan ini juga perlu memastikan dan mengambil langkah yang proaktif untuk mendidik ahli-ahli mereka supaya sentiasa bersikap prihatin, sikap sayangkan harta benda kerajaan dan seterusnya menjimatkan wang negara, mendidik mereka supaya berhemat dan bijaksana dalam menguruskan wang dan harta negara, sikap tidak ambil peduli kerana itu wang kerajaan bukan aku yang bayar, itu harta kerajaan, aku apa peduli, mesti dikikis dan dibuang habis-habisan dan jauh daripada di kalangan pegawai kita dan rakyat seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya pejabat-pejabat kerajaan di tempat-tempat awam dan lain-lain tempat yang difikirkan sesuai dituliskan peringatan-peringatan seperti ini iaitu 'elakkan rasuah kerana Allah sedang melihat kamu', 'berikan rezeki yang halal untuk anak isterimu' ataupun 'pembaziran adalah amalan syaitan' dan lain-lain bentuk peringatan yang difikirkan sesuai.

Saya juga ingin mencadangkan supaya Pegawai-pegawai BPR yang menyamar ditempatkan di jabatan-jabatan yang telah dikenalpasti lebih terdedah dengan rasuah terutama sekali di 'Top Ten' dalam senarai BPR. Dalam konteks ini juga saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang begitu tegas terhadap masalah pembaziran apabila beliau mengarahkan supaya semua Ketua Setiausaha Kementerian, ketua-ketua

pengarah supaya jangan melayan sebarang rayuan daripada mana-mana pihak untuk dikecualikan daripada arahan berjimat cermat dengan mengadakan kursus-kursus, seminar-seminar di hotel-hotel mewah.

Kita menjangkakan sikap atau mentaliti 'biar papa asal bergaya' bermula daripada kegilaan berkursus di hotel-hotel mewah hingga kepada sikap taksub kepada barang-barang luar yang berjenama sudah dapat dikikis habis-habisan daripada membelenggu pemikiran pegawai-pegawai dan setengah rakyat negara kita dalam era Wawasan 2020 dan era Malaysia Boleh ini. Tetapi rupanya, mentaliti ini masih berleluasa menguasai minda mereka. Minda mereka masih tertutup walaupun telah berkursus, berseminar di hotel-hotel mewah. Lebih-lebih lagi dikesalkan ialah apabila *Berita Harian* keluaran 10 Oktober 1997 melaporkan ada universiti yang bercadang untuk mengadakan perbincangan di hotel, pihak universiti tempat kita menghasilkan para ilmunan, tempat bercambahnya segala bentuk idealisme yang seharusnya bersifat lebih terbuka, lebih sensitif terhadap kepentingan negara dan rakyat seluruhnya juga nampaknya masih terbelenggu dengan pemikiran yang sempit dan jumud seperti ini. Ini adalah sesuatu yang amat dikesalkan

Satu soalan yang ingin sangat saya kemukakan ialah apakah kursus atau seminar di hotel-hotel mewah selama ini telah benar-benar berkesan mengubah sikap membuka minda para pegawai kita ke arah meningkatkan kualiti diri dan kualiti perkhidmatan untuk rakyat dan negara. Jika setelah sekian lama kita berkursus dan berseminar di hotel-hotel lima bintang, minda kita masih tertutup rapat, diminta untuk memberi sedikit pengorbanan di saat-saat negara sedang bergelut dengan kemelut ekonomi ini pun dirasakan terlalu sukar dan terlalu berat untuk mereka mematuhi. Kepada pihak kerajaan kita amat berharap supaya terus bertegas di dalam soal ini, memang benar ada pihak-pihak yang sengaja tidak mahu memahaminya dan tidak senang dengan langkah-langkah tegas yang diambil oleh pihak kerajaan tetapi percayalah bahawa rakyat seluruhnya berdiri teguh dan tetap memberi sokongan padu kepada kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 1997 merupakan tahun yang malang buat kita. Indeks komposit BSKL turun menjunam tetapi indeks pencemaran udara melonjak naik. Kerugian akibat jerebu sama ada dari segi ekonomi seperti produktiviti pertanian, perkilangan dan lain-lain ataupun dari segi kesihatan rakyat belum dapat kita pastikan lagi selain daripada

kos yang tinggi untuk menanganinya yang telah diperuntukkan oleh pihak kerajaan. Walau apa pun yang diperkatakan tentang fenomena ini, saya tetap merasakan ianya merupakan satu hukuman daripada Allah di atas dosa manusia yang tidak serik-serik melakukan kerosakan di atas muka bumi ini. Kita harus belajar sesuatu dari bencana ini iaitu kerosakan di muka bumi yang dilakukan oleh tangan manusia, padah dan akibatnya akan menimpa manusia itu sendiri. Yang bertanggungjawab melakukan sesuatu kerosakan telah bersalah di atas perbuatannya. Yang lain-lain juga turut bersalah kerana membiarkan kerosakan dan kemungkarannya itu berlaku.

Manusia tetap tidak serik-serik dan tidak pernah belajar sesuatu daripada amaran dan musibah yang diturunkan itu. Semasa indeks pencemaran udara berada di puncaknya - pada hari Isnin 22/9/97, akhbar *Utusan Malaysia* di muka hadapannya memaparkan gambar tentang satu pembakaran terbuka, atau open burning, dengan izin, oleh sebuah kilang dengan asapnya yang hitam pekat menguasai ruang udara. Di Malaysia, di tempat yang dilarang membuang sampah, lengkap dengan papan tanda yang memberikan amaran "Buang Sampah Denda RM500" di situ terdapat longgokan sampah-sarap yang banyak. Seolah-olah ada pihak yang sengaja mencabar peraturan dan undang-undang negara.

Kita juga selalu menyaksikan kereta-kereta yang dipandu di lebu-lebu raya atau di jalan-jalan raya mengeluarkan atau membuang sampah, bekas atau sisa makanan di atas jalan-jalan raya tanpa sedikit pun merasa malu atau merasa bersalah. Malah, di Dataran Merdeka, ketika semangat nasionalisme dan patriotisme sedang begitu membara kerana menyambut detik jam 12.00 tengah malam 31 Ogos selepas upacara Hari Kebangsaan malam itu selesai, mereka kembali dengan meninggalkan lautan sampah-sarap di dataran yang bersejarah itu. Bagi sesetengah rakyat kita, kemerdekaan dan semangat cintakan negara hanya bererti seronok-seronok berpesta, berhibur merayakan acara sambutan Hari Kebangsaan sedangkan rasa cinta dan rasa bangga terhadap negara dalam erti kata yang sebenarnya masih terlalu tipis. Kerajaan menyediakan sejumlah wang yang besar untuk memastikan negara bersih, rakyat sihat. Misalnya, Belanjawan tahun 1998 telah memperuntukkan lebih daripada RM49 juta untuk pemuliharaan dan kawalan alam sekitar tetapi keengganan sesetengah pihak mengubah sikap degil dan angkuh menjadikan negara semakin tidak bersih dan rakyat semakin tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, gejala ini juga mendedahkan kepada kita satu hakikat iaitu betapa lemah dan tidak berkesannya penguatkuasaan undang-undang di negara ini. Cerita balak dicuri tanpa dapat dikesan oleh pihak penguasa, pembakaran terbuka berlaku secara berleluasa juga gagal dikesan, membuang sampah merata-rata, di sungai-sungai, di jalan raya, dalam parit, longkang, berlaku secara sewenang-wenangnya tanpa ada sesiapa pun berusaha mengesannya apa lagi untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang tidak bertanggungjawab. Dengan sebab itu peraturan demi peraturan, undang-undang demi undang-undang diperkenalkan tetapi keadaan tidak menjadi lebih baik, malah undang-undang itu dicabar sewenang-wenangnya dan dijadikan bahan ejekan dan bahan ketawa. Kita sebenarnya tidak pasti apa sebenarnya yang menjadi masalah. Satu persoalan yang sering berlegar di otak kita ialah apakah kualiti perkhidmatan dan dedikasi pegawai kita telah benar-benar meningkat ataupun masih berada di takuk lama - tidak acuh dan tidak peduli.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan cadangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya mereka yang didapati bersalah membuang sampah dan mengotorkan alam sekitar dihukum menyapu sampah di jalan-jalan dengan memakai T-shirt khas yang bertulis di belakangnya "Saya Pengotor". Berita ini telah menarik perhatian media luar negeri misalannya, *Japan Times* keluaran 6 Ogos 1997, memetik kenyataan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan tajuknya "*Malaysia to Start Litter Crack Down*". Kita amat bersetuju dan mengalu-alukan langkah yang baik ini dan jika dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh boleh mencegah mereka yang memiliki tabiat membuang sampah di merata-rata tetapi lagi sekali persoalannya sejauh manakah berkesannya tindakan penguatkuasaan kita. Kita tidak mahu cerita-cerita seperti ini indah di atas kertas semata-mata tetapi dari segi realitinya tidak ada apa-apa tindakan diambil dan lagi sekali undang-undang kita akan menjadi The laughing stock dan keadaan kembali seperti sediakala. Sukacita saya mendapat penjelasan daripada kementerian berkenaan apakah perkembangan cadangan ini setakat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih, saya ada sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Pengumuman tentang kenaikan bayaran tol oleh menteri yang berkenaan semasa negara dan rakyat sedang bergelut dengan masalah ekonomi yang gawat adalah

amat tidak sesuai, tidak wajar dan amat dikesali. Walau bagaimanapun, kita mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak kerajaan kerana mengarahkan supaya perbincangan lanjut diadakan dengan pihak PLUS tentang isu ini. Kalau pun pihak PLUS tidak nampak apa-apa selain daripada dollars and cents sahaja dan walaupun kenaikan ini difikirkan amat perlu, tetapi saya rasa tunggulah dahulu sehingga keadaan ekonomi pulih sedikit semata-mata sebagai tanda simpati kepada rakyat dan juga kepada negara dan juga kepada pemimpin negara kita yang sedang memerah otak untuk menangani krisis ini ataupun turut sama tumpang bersedih dengan musibah yang melanda negara sekarang ini dan supaya rakyat tidak terlalu tersentak dan terkejut.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya juga ingin mencadangkan iaitu dirasakan amat perlu syarat-syarat penswastan dikaji semula supaya syarat-syarat tersebut lebih bersifat Peoples' Friendly iaitu di samping tidak membebankan rakyat dari segi kadar bayarannya, pihak kerajaan juga harus berhak meneliti kewajaran dan kemunasabahan sesuatu kenaikan yang dicadangkan oleh mana-mana pihak swasta dan berhak menolaknya jika kenaikan yang dicadangkan itu didapati tidak munasabah dan membebankan. Yang tidak kurang pentingnya ialah kerajaan perlu mempunyai hak untuk menegur dan memberi pandangan terhadap sebarang kelemahan dan tidak kecekapan mana-mana pihak swasta kerana kerajaan selaku pihak berkuasa yang tertinggi di sesebuah negara, bukan sahaja bertanggungjawab terhadap pihak-pihak swasta tersebut, malah bertanggungjawab kepada seluruh rakyat dan kerajaanlah yang akan menerima dan merasai kesan dan impaknya jika berlaku sebarang kelemahan dan ketidakcekapan dalam pengurusan mana-mana pihak swasta.

Oleh itu, cerita-cerita tentang adanya pihak swasta yang bertelagah hingga ke tahap menyaman anggota-anggota kerajaan seperti timbalan menteri ataupun menteri yang membuat teguran ikhlas bagi pihak negara dan rakyat adalah jelas merupakan satu manifestasi yang lahir daripada sikap angkuh, sombong dan tindakan melawan tauke yang amat-amat dikesalkan. Mereka telah menjadi begitu besar kepala hingga tidak lagi boleh menerima sebarang teguran walaupun teguran itu datangnya dari seorang anggota kerajaan yang bertanggungjawab kepada rakyat dan negara. Mereka seolah-olahnya menganggap diri mereka perfect, dengan izin, dan sempurna dengan tidak bersedia menerima dan mengakui kelemahan diri dan terus melatah dan

melenting apabila ditegur dan lebih malang daripada itu bertindak mengheret pihak yang menegur ke mahkamah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya gulung Tuan Yang di-Pertua. Jikalau anggota kerajaan pun boleh disaman apabila membuat teguran, apa halnya dengan orang-orang lain yang ingin membuat teguran yang ikhlas dan membina berdasarkan kepada pengalaman masing-masing. Bukankah lebih baik jika semua pihak bersifat terbuka, menerima setiap teguran dengan ikhlas dan memperbaiki mutu perkhidmatan ke arah kecemerlangan negara Malaysia yang dicintai.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kita bersyukur dan merasa lega kerana mengikut laporan akhbar pada hari ini pihak MAS tarik balik saman malu RM80 juta ke atas Timbalan Menteri Sumber Manusia dan kita mengucap syabas dan tahniah kepada pihak-pihak yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kubang Kerian.

5.39 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Peranan media asing begitu ketara sekali sekarang sehingga Kongres Yahudi Sedunia ingin meletakkan Perdana Menteri sebagai anti-semitic yang pernah dilabelkan perkara ini kepada Hitler. Satu tuduhan yang begitu berat kepada Perdana Menteri Malaysia iaitu hendak disamakan Perdana Menteri dengan Hitler di sudut anti-Yahudi. Ini satu perbuatan yang cukup biadap yang dibuat oleh Gerakan Yahudi Antarabangsa. Apa yang berlaku ini memberi kesedaran kepada kita, siapa kita, siapa itu Yahudi. Inilah bangsa Yahudi. Walaupun seseorang itu menyokong mereka atau tidak menyokong mereka, mereka tetap menganggap selain daripada Yahudi, selain daripada Bani Israel adalah 'qayim' ataupun binatang - lembu.

Kita lihat apa yang berlaku di Palestin, walaupun pihak PLO menerima perjanjian damai dengan mereka tetapi dengan perjanjian damai itu digunakan

oleh Yahudi untuk terus meroboh rumah-rumah orang Arab dan merampas tanah-tanah mereka. Sebab itulah bangsa ini diperingatkan bahawa mereka bukan sahaja setakat memusuhi orang-orang 'qayim' ini tetapi mereka juga memusuhi para nabi dan para rasul - banyak nabi dan rasul dibunuh oleh mereka ini. Sebab itulah ketika pasukan kriket melawat Malaysia dahulu, kami memperingatkan bahaya Yahudi walaupun pelajar-pelajar kami, para pemuda disepak, ditendang dengan kasar dalam tunjuk perasaan. Kami rasa sedih ketika itu tetapi bila Yahudi membuat sesuatu kepada kita sekarang, kita juga merasa sedih di atas sikap bangsa yang sombong ini yang kita lihat ingin menakluki dunia. Kami menegur dahulunya, bukan di atas sifat cemburu dan sebagainya tetapi kita tahu bahawa Yahudi ini kita mesti memainkan peranan untuk menyediakan kekuatan kepada kita untuk menghadapi mereka. Dalam masa jangka pendek atau jangka panjang sebab kita lihat Yahudi tidak senang dengan kebangkitan umat lain di atas muka bumi ini. Kita tahu bangsa Yahudi ini paling lama dia boleh ikat perjanjian dengan Nabi Muhammad S.A.W., itu pun lima tahun sahaja iaitu selepas Perang Ahzab mereka mencabuli perjanjian dengan Piagam Madinah. Inilah sejarah bangsa ini beribu tahun dan sekarang mereka sedang mengancam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kita lihat keadaan yang berlaku sekarang ini, kita harap supaya kerajaan lebih memerhati tindakan mereka pada masa yang akan datang, janganlah satu ketika kita hendak ambil perasaan orang-orang Yahudi kita sanggup bertindak kepada rakyat kita dengan menangkap dan mendakwa mereka di mahkamah seperti pemuda-pemuda kami dan para pelajar yang tunjuk perasaan menentang pasukan Yahudi dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga ketika kita marahkan George Soros. Kita memang marah kepada penyangak ini yang melakukan kepada Malaysia sekarang ini dalam permainan mata wang. Kita juga kena pergi sepintas lalu kira-kira tujuh, lapan tahun dahulu. Kita lihat Bank Negara juga memainkan peranan - membeli wang dan menjual mata wang sehingga dalam Parlimen ini diumumkan oleh Menteri Kewangan pada waktu itu. Kita rugi di atas kertas hampir RM20 bilion atau lebih daripada RM20 bilion kerana Bank Negara mempermainkan mata wang Pound. Bila Bank Negara yang menguasai ekonomi negara yang bertanggungjawab terhadap negara - main mata wang, maka sekarang ini George Soros juga bermain mata wang - bagaimana kita hendak maki hamun George Soros

lebih-lebih, sedangkan Bank Negara pernah melakukannya. Sebab itulah bila kita mengingatkan sesuatu semasa ianya berlaku, janganlah penyokong-penyokong kerajaan mudah melenting mengatakan kita tidak bersama. Ketika Bank Negara memainkan mata wang, kita mendiamkan diri menyokong sahaja apa yang dibuat oleh Bank Negara tetapi bila pihak lain memainkan mata wang menyebabkan kita 'merudum' begini rupa, barulah kita berteriak sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, peranan media asing kita tahu memang jahat. Rakyat Malaysia kadangkalanya merujuk kepada media asing. Kenapa? Mesti dipersoalkan - kerana media tempatan dianggap tidak berwibawa. Ini yang menjadi masalah yang saya sebutkan ketika saya pergi ke Leeds, England kira-kira sebulan yang lalu. Pelajar-pelajar kita menunjukkan hal ekonomi Malaysia daripada keratan-keratan akhbar luar negeri. Saya tanya mereka kenapa tidak rujuk keratan akhbar Malaysia? Kata mereka keratan-keratan akhbar di Malaysia beritanya tidak berwibawa. Beritanya lebih banyak membodek daripada menyelidik, daripada mengemukakan fakta dan kerja hanya mengampu. Ini yang menyebabkan pelajar kita dan setengah orang-orang kita merujuk kepada media asing.

Oleh itu, untuk menguatkan media tempatan, kerajaan hendaklah bersikap liberal kepada media tempatan. Berilah lesen *Harakah* untuk setiap hari dikeluarkan, [*Ketawa*][*Sorak*]akhbar *Rocket* misalnya diizinkan kepada rakyat Malaysia, barulah kita dapat membaca berita-berita daripada pelbagai pandangan. Bila akhbar dalam negeri ini dapat diterbitkan oleh parti-parti politik [*Disampuk*] atau NGO dan sebagainya, Kementerian Dalam Negeri ada untuk mengawalnya dan.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tolonglah, 20 minit sahaja.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sedikit sahaja, sedikit! Besok giliran saya, saya beri pula.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Daripada Ketua Pembangkang sampai sekarang tidak ada orang ganggu.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sedikit, sedikit sahaja. Kawan punya fasal.

Saya komen Yang Berhormat tentang media massa ini, Yang Berhormat kata ada 20 minit, mengapa pusing keliling, yang hendaknya supaya *Harakah* diberi lesen bukan? Mengapa tidak terus begitu sahaja memintanya? Jauh benar perginya. Minta penjelasan sedikit.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya minta, saya minta Yang Berhormat tolong recommend. [*Ketawa*] Jangan ganggu dah, kita ada masa sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kita lihat kewibawaan media tempatan ini misalnya dahulu dikatakan bahawa Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri ada masalah di zaman Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri Dato' Musa Hitam - media tempatan tidak menyiarkan tetapi ianya disiarkan berita luar negeri, tiba-tiba ia betul-betul berlaku. Maka, orang percayalah kepada media luar negeri. Begitulah juga sekarang, bila ada mengatakan bahawa Timbalan Perdana Menteri ada masalah dengan Perdana Menteri, saya tidak percaya tetapi ada di kalangan pemimpin UMNO percaya kerana media asing mengatakan demikian. Inilah bila kita tidak beri kebebasan kepada wartawan untuk mengemukakan penyelidikan ataupun berita yang sah, bukan berita yang bodek untuk ditulis dalam akhbar-akhbar kita.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga kita lihat dalam perbelanjaan ini yang satu perkara dia jatuh 'merudum', yang kedua kenapakah ditakdirkan jerebu datang masa jatuhnya ekonomi. Kalaulah kita berkuasa kita mintalah Allah Taala kalau boleh biarlah dibalakan satu demi satu, jatuh kewangan dahulu lain kali datang jerebu tetapi apa boleh buat, Allah Maha Berkuasa, menjadikan kita sekarang ini keadaan berlaku serentak. Jerebu datang kemudian berlaku pula kemelesetan ekonomi, ianya berlaku serentak yang memeningkan kepala kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian kita lihat Belanjawan yang dibuat untuk melegakan. Ternyata Belanjawan ini dibentangkan - Bursa Saham ditutup pada hari Jumaat tidak lega, hari Isnin terus jatuh, barangkali hari Selasa menjunam lagi. Ini bererti bahawa para peniaga terutama sekali masih tidak yakin dengan Belanjawan yang ada ini. Ini juga kita kena lihat kenyataan-kenyataan daripada mereka yang memerintah. Kami pembangkang tidak apa, memang kerja kami hentam [*Ketawa*] tetapi pemerintah itu kena jaga.

Saya lihat jawapan-jawapan timbalan menteri, menteri-menteri dalam Parlimen ini ada yang mengatakan duit jatuh bagus kerana kita boleh

eksport barang-barang kita, ada timbalan menteri mengatakan duit jatuh; cemas. Kenapa jawapannya berbeza-beza. Sepatutnya hendak jawab itu janganlah jawab perasaan timbalan menteri, mesti jawab daripada hujah kerajaan. Sebelum datang menjawab di Parlimen ini dan agakkan soalan-soalan tambahan, mesti dibincang di peringkat pegawai kerajaan supaya jawapan nanti, jawapan kerajaan bukan jawapan perasaan timbalan menteri. Saya tengok kadang-kadang itu jawapan merapu. Kalau adalah journalist asing mendengarnya dia tidak tahu yang mana satu dia hendak pick-up. Ada mengatakan duit jatuh bagus, kalau duit jatuh bagus usahakan supaya duit jatuh lagi [*Ketawa*] maka, kita boleh eksport barang kita dengan lebih murah. Kadang-kadang timbalan-timbalan menteri ini melawak di dalam jawapan-jawapan mereka. Sebab itu saya kata hendak jawab itu biarlah berhati-hati, biarlah orang nampak kita tidak cekap dengan membaca nota tetapi jawapan itu boleh menyakinkan semua pihak terutama sekali mereka yang duduk dalam Kabinet dan pembantu-pembantu Kabinet, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen.

Kemudian kita lihat sekarang ini pengurangan cukai terhadap syarikat - 2%. Memang gembira orang-orang yang memiliki syarikat tetapi kita lihat saham tidak pulih juga, kenapa jadi begini? Kemudian dinaikkan pula, misalnya bayaran lesen RM20 kepada RM50 - tidak menyusahkan orang ramai, katanya. Mana boleh tidak susah! Pemandu teksi kena ambil lesen, pemandu bas kena ambil lesen, kereta-kereta persendirian, pemandu lori, semuanya kita lihat perlu kepada lesen dan mereka akan menanggung beban yang lebih hebat.

Kemudian kita lihat lebih cemas lagi dana RM60 bilion digunakan untuk menampung membeli saham, di antaranya wang EPF. Kita minta rakyat jangan panik tetapi perbuatan kerajaan menyebabkan rakyat panik. Saham sedang jatuh, hendak guna duit pekerja beli saham, siapa tidak panik? Saya simpan dalam EPF lebih kurang ada RM21,000 - saya panik! Pekerja lain pun panik. Kenapa semasa saham naik melambung tidak digunakan wang EPF untuk membeli saham? Rakyat akan bergembira. Ini, saham jatuh orang luar tidak mahu beli, peniaga tempatan tidak mahu beli, guna wang EPF untuk beli saham. Sudah tentulah pencarum-pencarum yang berjumlah lebih tujuh, lapan juta itu akan terasa panik. Apa akan jadi pada wang mereka! Sebab itulah kami menghantar memorandum kepada Kementerian Kewangan kalau boleh jangan guna wang EPF dalam memperjudikan dalam suasana saham seperti ini sebab EPF adalah digunakan untuk masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan ini bertambah panik lagi kita apabila kerajaan pula menarik levi terhadap pembelian rumah-rumah mewah. Rumah-rumah mewah di antara RM250,000 sehinggalah RM1 juta, RM2 juta. Kita lihat daripada 30% kuota dinaikkan kepada 50% kuota. Ini menambahkan lagi, kita bimbang, orang-orang asing akan datang membeli rumah sehingga satu taman perumahan boleh didiami oleh 50% orang asing. Pada masa yang sama rasuah meningkat. Kita lihat sekarang ini Kem Kemunting dipenuhi oleh mereka yang ditahan di bawah ISA sama ada daripada Kastam, Imigresen atau daripada pegawai-pegawai yang membuat kad pengenalan. Kalau orang-orang kaya ini datang ke Malaysia, duduk di sini beli rumah, apakah mereka tidak boleh dapat kad pengenalan, tidak boleh dapat pasport sebab ianya mudah boleh diperolehi seperti berlaku di Sabah dan lain-lain tempat. Kalaulah ini berlaku, apa akan jadi kepada penyeimbangan kaum pada masa yang akan datang. Ini semua bertambah panik rakyat, keadaan yang berlaku sekarang kerana masalah membanteras rasuah kita nampak tidak serius dan kita lihat berlaku penangkapan-penangkapan yang membuat kad pengenalan palsu, pasport palsu diletakkan di Kem Kemunting kita tidak tahu sindiket secara panjang lebar bagaimanakah kad pengenalan ini dibuat atau pasport dibuat. Ini menambahkan panik rakyat sebab itu kita dok sebut jangan panik, jangan panik tetapi kadangkala Belanjawan dikemukakan dalam bentuk rakyat lebih panik.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga kita lihat masalah mega projek. Mega projek ini disebut ditangguhkan, kalau boleh yang tidak perlu itu dibatalkan terus untuk memberi keyakinan. Misalnya, jalan ke puncak gunung Cameron Highlands, Fraser Hills, Genting Highlands, jalan itu kalau boleh dibatalkan terus. Begitulah juga Lapangan Terbang Antarabangsa Sungai Petani. Malaysia barangkali, memegang World Record, dalam 50 kilometer ada tiga lapangan terbang antarabangsa iaitu Lapangan Terbang Bayan Lepas, Lapangan Terbang Antarabangsa Sungai Petani yang akan dibuat di atas laut - tebus tanah dan Lapangan Terbang Langkawi. Apa perlu tiga lapangan terbang antarabangsa dalam jarak 50 kilometer? Dan Lapangan Terbang Sungai Petani ini pula dijangka antara yang termahal di dunia kerana ia tidak dibuat di atas darat, tidak cukupkah lagi daratan di Malaysia ini sehingga hendak ditebus laut dan hendak dibuat di atas laut? Hendak tiru Jepun! Maka, kita lihat projek-projek seperti ini boleh membimbangkan pelabur-pelabur kerana ia akan

memberi pertukaran asing iaitu wang kita mengalir keluar begitu banyak.

Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Parit Sulong, bangun.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Allah! [*Ketawa*]

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya ini, bikin orang panik sebenarnya. Fasal apa, macam lapangan Terbang Antarabangsa Sungai Petani sebenarnya kalau kita baca ucapan sudah ditangguhkan, jadi tidak jadilah persoalan, tidak jadi panik pelabur dan sebagainya. Jadi, Yang Berhormat kena baca betul-betullah!

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Itu tangguh, kita mahu batal. [*Ketawa*] Tangguh ini ertinya boleh buat lagi pada masa yang akan datang. Begitulah juga misalnya apa yang dipanggil projek-projek mati iaitu pembinaan bangunan Putrajaya. Projek Putrajaya kenapa perlu RM20 bilion untuk membuatnya. Kita lihat tuan-tuan sekalian, negeri kuasa besar - Yang Berhormat sekalian [*Ketawa*] Kuasa besar seperti England, pejabat Perdana Menteri hanya No. 10 Downing Street - kecil sahaja, bukan besar mana. Sekarang baru dia minta pindah kerana dia mempunyai anak tiga. Kenapa kita perlu Jabatan Perdana Menteri seperti istana yang begitu hebat sedangkan kita lihat di negara-negara maju tidaklah bangunan pentadbiran ini diperbesar-besarkan kerana kita tahu projek-projek membina bangunan ini mati, duitnya tidak berputar. Walaupun saya bukan pakar ekonomi tetapi lebih 'reti'lah daripada penyokong Barisan Nasional dalam masalah ini. [*Sorak*]

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini ceramahkah ini, ceramah politikkah?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga kita lihat KLCC yang menghadapi masalah sekarang. Kita lihat hendak dijual kepada siapa dan akhirnya sudah tentu Petronas akan dikorbankan untuk membeli ataupun membiayai bangunan seperti itu. Kita bukan tidak mahu megah tetapi kemegahan akhirnya membawa keruntuhan seperti ini. Malapetaka ini dipikul oleh semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat juga dalam Akta Pendidikan. Bila dipinda Akta Pendidikan, kami menentang sebab kita lihat jangka panjangnya ia merbahaya. Bukanlah ekonomi boleh terus

berkembang sampai bila-bila masa terutama sekali penghapusan biasiswa kepada orang-orang miskin, kepada bumiputera digantikan dengan pinjaman. Nampaknya bila diumumkan dana tabung pinjaman semua orang bertepuk tetapi pada masa yang sama kita tidak sedar iaitu biasiswa telah terhapus - digantikan dengan pinjaman sedangkan orang-orang miskin di luar bandar sekarang semakin hari semakin teruk, misalnya penduduk-penduduk FELDA yang diswastakan ini. Penduduk-penduduk di situ mereka sekarang ini...

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ini bukan kita orang politik....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tidak payah berdialog.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ini yang berat ini, yang pemimpin-pemimpin kerajaan tidak dapat idea kerana menjadi penyokong yang macam inilah. *[Ketawa]* Penduduk-penduduk FELDA ini saya pergi di antara sempadan Temerloh dengan Negeri Sembilan baru-baru ini telah mengadu di antara mereka, ada yang telah memberhentikan anak-anak mereka daripada sekolah - Felda plantation, kerana pendapatan mereka, setelah ditolak dan sebagainya, mereka dapat satu kilo jual 'scrap' lebih kurang 35 sen, mereka dapat 10 kilo lebih kurang RM3.50 satu hari. Mereka sudah tidak mampu menyekolahkan anak-anak mereka, tambahan pula, mungkin akan berlaku kenaikan barang pada masa yang akan datang. Biasiswa pula telah terhapus dengan Akta Pendidikan yang ada. Ini semua kita menempah bahaya pada masa yang akan datang. Kita hendak kejar supaya Malaysia menjadi pusat pendidikan, pada masa yang sama kita bimbang pusat pendidikan tidak dapat tetapi aliran pendidikan di Malaysia ini akan kecundang yang menyebabkan kita lihat bumiputera khususnya di luar bandar yang masih ketinggalan akan tercicir terus. Inilah yang kita lihat boleh memberi kebimbangan kepada kita.

Kemudian kita lihat pula tanah sebelum merdeka, British meninggalkan kelas-kelas tanah kepada kita. Di antaranya tanah bandar, tanah lombong dan ladang. Tanah bandar nilai pertama, tanah lombong dan ladang; tanah nilai yang kedua kemudian sultanate land - tanah yang dianugerahkan kepada sultan atau keluarga-keluarga diraja, kemudian state land - tanah-tanah kepunyaan kerajaan negeri dan

yang kelima; tanah yang paling tidak elok ialah tanah rizab Melayu. Kita lihat sekarang tanah bandar sekarang ini orang-orang bumiputera hendak miliknya terlalu payah, bahkan semakin dijual, tanah lombong atau ladang yang orang Putih telah keluar tidak berjaya diambil alih oleh agensi-agensi kerajaan, sultanate land - banyak tergadai dipajakkan kepada tauke-tauke, state land dengan memajukan bandar-bandar baru dan sebagainya. Yang tinggal Malay Reserved. Tanah Rizab Melayu pun terancam sekarang ini. Ini merbahaya! Misalnya, 273 ekar tanah di Chubadak telah terlepas kepada pemaju, barangkali Kampung Bharu menunggu giliran. FELDA pula semakin terlepas, ini yang kita lihat dan kita bimbang kemajuan yang kita kejar tetapi penyeimbangan antara kaum, antara agama tidak berlaku, maka ia boleh berlaku perkara-perkara yang tidak baik pada masa yang akan datang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini macam ceramah kawasan.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, ceramah kawasan inilah yang boleh menumbangkan UMNO. *[Sorak]* Tuan Yang di-Pertua, *[Ketawa]* kita selalu menyebut ucapan kita masalah makanan yang semakin hari semakin diimport dari luar negeri. Sekarang sudah lebih RM9 bilion diimport. Dalam keadaan yang sebegini rupa kita hendak tekankan masalah pertanian dan peruntukan kepada Kementerian Pertanian alhamdulillah dinaikkan dan Timbalan Menteri seorang yang rajin berada dalam Parlimen, yang paling rajin yang saya lihat.

**Seorang Ahli:** Puji pula!

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Yang rajin kita puji, yang pemalas kita sebut.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Jadi, kita lihat setelah belia-belie kita meninggalkan kampung untuk pergi ke bandar, sekarang ini hendak arahkan mereka pula balik ke kampung. Sudah tentu ia memakan masa yang agak panjang. Kerajaan mesti membuat satu Dasar Pertanian yang sungguh-sungguh sekarang ini. Kalau kerajaan boleh membuat RM60 bilion dana untuk membantu saham, kenapa tidak boleh disediakan satu dana berbilion-bilion ringgit untuk memajukan pertanian, misalnya kita lihat penanam-penanam padi sudah 15 tahun tidak naik harga. Subsidi di tahap RM10

itulah daripada tahun 1982, 1983 sampai sekarang. Kenapa dana boleh disediakan untuk membantu korporat-korporat? Korporat-korporat ini tuan-tuan sekalian, mereka rugi kita tidak kasihan sangat sebab mereka dapat pun daripada anugerah-anugerah kerajaan. Anak Perdana Menteri, misalnya rugi RM1,000 juta lebih ataupun yang lain-lain lagi tetapi orang-orang kampung yang mengalami kerugian ini kerajaan kena fikir satu dana bagaimana hendak membuat satu Dasar Pertanian. Kita lihat negara-negara Barat, walaupun mereka terkenal membuat kapal terbang tonado, kapal selam dan sebagainya tetapi negara mereka pengeksporth lembu yang utama. Kita pengeksporth elektronik yang utama tetapi tidak dalam hal-hal lain; lembu, ayam, beras, bawang - semuanya kita import. Kita harap daripada sekarang menteri, pegawai-pegawai kerajaan fikir sungguh-sungguh untuk membentuk satu dana yang besar. Kami akan menyokong dana ini digunakan bagaimana untuk kita hiduapkan balik pertanian dan sampai ke peringkat self-sufficient. Kita lihat bila menghadapi masalah, kenapa Vietnam mampu berlawan dengan Amerika, di antaranya makanan mereka cukup. Kenapa Korea akhirnya terpaksa tunduk - kerana makanan negara mereka tidak cukup. Kenapa Iran sanggup menghadapi kepungan dunia? Kerana makanan mereka cukup. Begitulah juga Pakistan. Begitulah juga kita lihat negeri-negeri yang akhirnya tunduk kepada kuasa besar kerana makanan asasi untuk negara mereka tidak cukup. Kita import 70% makanan - ini orang luar boleh tekan sedikit sahaja, kita terpaksa menyembah mereka kerana kita tidak mampu untuk menghadapi mereka kerana makanan kita terpaksa diimport daripada mereka. Ini adalah perkara yang cukup serius.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Perkara yang akhir saya ingin sentuh dalam Belanjawan ini ialah pegawai-pegawai kerajaan mungkin tidak diambil - dikurangkan! Kami dalam PAC menghadapi masalah, ketua-ketua setiausaha memberitahu di antara sebab jentera kerajaan tidak dapat berjalan dengan baik kerana kurangnya pegawai-pegawai kerajaan. Kalaulah dengan kemelesetan ekonomi sekarang, pegawai-pegawai kerajaan tidak diambil, tidak ditambah, maka akan berlaku lebih hebat jentera kerajaan tidak berjalan dengan baik. Oleh itu, hendak kurangkan perkara yang lain tetapi pengambilan pegawai-pegawai kerajaan amatlah penting termasuk di Parlimen ini sendiri - sekarang *Hansard* seminggu baru kita dapat kerana tidak ada

pegawai. Kalau ada pegawai pun tidak bersemangat, ingin hendak berhenti dan tempat-tempat lain pun begitu juga. Bila kekurangan pegawai kerajaan begitu ketara, maka kita akan lihat pembangunan atau hendak memulihkan ekonomi begitu sukar sekali. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Bukit Mas.

6.04 ptg.

**Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk sama-sama berbicara, memberi sokongan dan beberapa cadangan ke atas ucapan Belanjawan 1998 yang telah pun dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan Malaysia.

Selepas mendengar, membaca dan meneliti isi kandungan ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan, saya sesungguhnya merasa bangga, gembira dan berpuas hati untuk menyatakan bahawa beberapa langkah positif yang telah diambil oleh kerajaan dan Kementerian Kewangan khususnya untuk menghadapi krisis nilai ringgit di samping kejatuhan secara mendadak pasaran saham di Bursa Saham Kuala Lumpur. Jelas di sini bahawa Belanjawan 1998 bermatlamat untuk merangsang pertumbuhan ekonomi Malaysia dan di dalam masa yang sama ia juga bermatlamat untuk memulihkan kepercayaan rakyat terhadap ekonomi dan kestabilan politik negara.

Belanjawan ini juga bertujuan untuk memberi tumpuan kepada masalah ekonomi semasa yang sedang dihadapi oleh negara seperti mana yang kita sedia maklum iaitu kadar defisit di dalam imbang bayaran negara dan saya rasa dan menyaran supaya kita sepatutnya berusaha supaya defisit akaun semasa negara kita dapat dikawal atau dikurangkan ke tahap 3% ataupun kurang sebelum ataupun pada tahun 2000.

Belanjawan 1998 turut menyatakan kepada keperluan untuk mengurangkan kadar import dengan cara menaikkan duti import ke atas mesin-mesin berat yang diperlukan dalam sektor pembinaan. Belanjawan 1998 juga turut menumpukan perhatian kepada keperluan untuk menggalakkan dan merangsangkan persaingan eksport negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya Belanjawan 1998 boleh dianggap sebagai yang terbaik memandangkan masalah ekonomi semasa yang sedang dihadapi oleh negara ketika ini. Saya

tahu bahawa terdapat pihak yang tidak berasa senang dan selesa tetapi pada fikiran saya pada kepentingan negara, dengan izin, national interest, seharusnya diutamakan di samping perkara-perkara yang lain.

Krisis mata wang dan ekonomi semasa negara - Tuan Yang di-Pertua, memandangkan krisis kejatuhan ringgit dan Bursa Saham Kuala Lumpur secara tiba-tiba telah menjadi perhatian seluruh negara dan turut menjadi isu hangat yang dibincangkan di mana-mana. Sesungguhnya saya begitu berminat untuk berbicara seterusnya mengenai perkara ini. Menurut sumber yang boleh dipercayai, Bursa Saham Kuala Lumpur telah kehilangan lebih daripada RM200 bilion dan sehubungan dengan itu juga nilai ringgit turun menjunam sehingga 20% berbanding dengan Dolar Amerika. Kesan daripada krisis ini bukan sahaja melibatkan individu perseorangan, malah negara amnya. Krisis ini telah menarik minat media asing untuk sama-sama menghentam keadaan yang sedia ada yang disebabkan oleh manipulator dari negara mereka sendiri yang dikenali sebagai George Soros. Untuk itu ingin saya melahirkan rasa dukacita saya kepada negara kita Malaysia ke atas apa yang telah dilakukan oleh George Soros dan sesungguhnya tiada maaf lagi kepada manusia yang bernama George Soros.

Tuan Yang di-Pertua, diketika ini saya amat pasti bahawa sebilangan besar kita yang ada di dalam Dewan Rakyat ini bersetuju dengan segala apa bentuk kenyataan dan pandangan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita terhadap George Soros. Kepada saya tidak sepatutnya kita membuang masa untuk membincangkan lagi berkenaan dengan George Soros. Sebagaimana yang dikehendaki oleh sahabat-sahabat kita di sebelah sana yang inginkan Perdana Menteri dan Bank Negara Malaysia khususnya, menunjukkan bukti bahawa George Soros yang menyebabkan krisis ekonomi yang sedang melanda negara sekarang ini dan juga beliau turut dengan bangganya mengatakan bahawa George Soros menjadi begitu terkenal dan popular di kalangan negara asing terutamanya selepas mesyuarat IMF di Hong Kong. Bagi saya dengan kebijaksanaan yang ada kepada Perdana Menteri kita, tidak perlulah untuk beliau sendiri memberi dan menunjukkan bukti kepada orang asing dan khususnya kepada rakan DAP.

Tuan Yang di-Pertua, permintaan dan saranan saudara dari Kota Melaka untuk membawa isu George Soros ke mahkamah adalah sesungguhnya

di luar daripada perkara tajuk. Siapakah George Soros jika dibandingkan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita? Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad bukan sahaja menjadi pemimpin yang dihormati, bukan sahaja di dalam negara, malah turut disanjung tinggi oleh negara-negara Asia Pasifik, negara-negara Islam dan juga sebahagian besar negara-negara yang sedang membangun. Menurut laporan Majalah *Asiaweek* keluaran Mei 1997, muka surat 42 [*Menunjukkan majalah berkenaan*], dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *Asiaweek Power Fifty*. Perdana Menteri telah ditempatkan di nombor dua selepas Jiang Zemin dari China. Adalah tidak mustahil untuk Perdana Menteri kita mencapai tangga teratas di antara pemimpin Asia di dalam masa yang terdekat ini.

Sesungguhnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah berjaya mentadbir negara selama 16 tahun dan telah membawa banyak pembangunan di dalam konteks ekonomi Malaysia, kestabilan politik dan sehubungan dengan itu juga telah menjadikan Malaysia sebagai negara contoh untuk negara-negara yang sedang membangun terutamanya negara-negara di OIC dan lain-lain negara. Sesungguhnya Perdana Menteri juga sama ada secara langsung ataupun tidak langsung merupakan orang yang bertanggungjawab membawa beberapa siri kejayaan dan kecemerlangan terutama kepada golongan usahawan bumiputera yang berjaya seperti Tan Sri Rashid Hussien, Tan Sri Tajuddin Ramli, Tan Sri Halim Saad dan tidak ketinggalan Mendiang Tan Sri Yahya Ahmad. Kesemua mereka ini adalah tergolong di antara, dengan izin, the hundred billionaires in Asia. Sebagaimana yang dinyatakan dalam buku *Asia World Club* hasil Georfe Hiscoqe.

Tuan Yang di-Pertua, kejatuhan nilai Ringgit berbanding dengan Dolar Amerika nyata besar-besaran dieksploitasikan oleh media asing dan beberapa tuduhan telah dilemparkan kepada pemimpin kita. Biar apa pun yang diperkatakan dan tuduhan yang telah dibuat oleh media asing terhadap Malaysia dan pemimpin kita, sesungguhnya tujuannya adalah, pertama untuk memecahbelahkan dan melahirkan rasa tidak puas hati di dalam negara di antara kita dengan para pemimpin dengan harapan negara Malaysia tidak akan berjaya mencapai Wawasan 2020. Mereka juga berasa tertekan dengan kegemilangan yang dicapai oleh Malaysia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sentiasa berdiri teguh dan benar dengan isu-isu hak kemanusiaan terutama di

dalam situasi yang melanda Bosnia Herzegovina. Disertakan pula dengan lawatan Perdana Menteri ke negara-negara Afrika, Amerika Latin, Cuba, negara-negara Balkan dan seluruh ceruk rantau melalui misi menarik pelaburan asing ke Malaysia, sesungguhnya amat membimbangkan kuasa-kuasa negara asing.

Implikasi yang baik dari negara yang dilawati oleh Perdana Menteri membuatkan pemimpin-pemimpin negara asing cemburu terhadap beliau, mereka juga merasa kecewa dan tidak gembira kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercakap benar melainkan yang benar dan berbicara tanpa gentar terhadap isu-isu berkaitan dengan negara-negara membangun dan ia berkemungkinan menyebabkan berlaku serangan ke atas nilai Ringgit dan ekonomi Malaysia. Memandangkan keadaan ini saya berharap agar semua pemimpin di seluruh negara terutamanya Ahli-ahli Parlimen, Ketua-ketua parti politik dan seluruh golongan korporat dan ketua-ketua masyarakat di Malaysia harus berdiri teguh di belakang Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri untuk memberi sokongan yang tidak berbelah bagi. Biar dunia melihat pendirian kita menyokong pemimpin kita walau dalam apa keadaan sekalipun. Sesungguhnya kekuasaan penuh harus diberi kepada pemimpin kita supaya dapat mencari jalan penyelesaian dan strategi yang mungkin bagi membuka ruang menghadapi krisis ekonomi ini di dalam proses mencapai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang biasa pada pandangan saya, ekonomi kita masih boleh dianggap teguh dan baik di mana pertama kali pertumbuhan ekonomi negara masih kukuh pada 8% KDNK. Simpanan negara berada dalam kadar 39.8% kadar KDNK, kadar inflasi negara masih pada paras yang rendah iaitu sebanyak 3% dan lebih kewangan kerajaan dicatatkan untuk lima tahun berturut-turut termasuklah perbelanjaan 1998 ini. Hutang negara adalah pada kadar yang rendah iaitu sebanyak RM10.4 bilion. Tindakan kerajaan yang telah pun menjelaskan hutang luar negara sebanyak RM16.5 bilion dari tahun 1987 hingga 1997 menyebabkan nisbah bayaran khidmat hutang negara, dengan izin, debt service ratio, berkurangan daripada 8.9% ke tahap 6.8% pada tahun ini.

Bukti-bukti sebegini, Tuan Yang di-Pertua, jelas menyatakan ekonomi kita masih di dalam keadaan yang baik kecuali sedikit yang membimbangkan ialah defisit akaun semasa yang tinggi iaitu pada masa dahulu 10.5% KDNK dan dapat dikurangkan pada tahun ini kepada 5.5% KDNK. Walau apa

sekalipun aspek yang perlu dititikberatkan, adalah defisit dalam akaun semasa ini. Sehubungan dengan itu bolehkah kerajaan dan Kementerian Kewangan menjelaskan apakah bentuk langkah, baik secara pendek dan langkah jangka masa panjang ataupun alternatif yang akan diambil di dalam usaha untuk mengurangkan jumlah defisit dalam akaun semasa ini. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana isu ini adalah yang penting sekali oleh kerana pihak asing ingin tahu bagaimana kita dapat mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan negara yang mewah dan kaya dengan sumber minyak, gas asli dan lain-lain sumber pengeluaran seperti kayu balak dan bijih timah lebih-lebih lagi kemajuan di dalam sektor pembuatan yang mana ianya boleh membantu negara menaikkan kembali kadar pertumbuhan ekonomi yang sedia ada. Misal kata, Tuan Yang di-Pertua, tidak payah kita di Malaysia merasa bimbang, kita ada gas, kita ada minyak, kalau kita tambahkan pengeluaran minyak satu tahun, misal kata, Petronas, satu hari 20,000 tong berharga US\$15 bermakna dalam satu tahun dari pengeluaran yang dinaikkan kita dapat US\$10 bilion daripada eksport. Bermakna kita sebagai rakyat Malaysia tidak payahlah kita mendengar apa yang diceritakan di dalam media-media asing dan kita berharap kita sentiasa berdiri teguh di belakang pemimpin-pemimpin kita supaya mereka dapat memberi tumpuan untuk mengatasi masalah ini untuk kita semua.

Mengenai penswastaan, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengucapkan syabas kepada Perdana Menteri di atas dasar penswastaan yang telah dikenalpasti sebagai saluran utama ke arah pertumbuhan dan kecemerlangan ekonomi negara Malaysia. Persoalan yang ingin saya ketengahkan di sini, bagaimanakah perangkaan terkini dan sejauh manakah keputusan pencapaian dasar penswastaan yakni sehingga Oktober 1997 terutama di dalam aspek-aspek berikut: Pertama, penguasaan dan peningkatan ekonomi negara secara umum; kedua, dari aspek pengurangan tekanan ke atas pengurusan awam dan perbelanjaan kerajaan; ketiga, peningkatan dan penambahan produktiviti. Ini adalah satu masalah yang sedang kita hadapi sekarang, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita dapat meningkatkan produktiviti kita di dalam negara; dan yang keempat, pengurangan campuran tangan pihak awam di dalam sektor ekonomi negara.

Sehubungan dengan itu saya juga mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan di dalam kita menghadapi krisis ekonomi negara sekarang ini, beberapa projek mega telah ditangguh seperti Projek Hidroelektrik Bakun, Linear City, Lapangan Terbang Wilayah Utara dan Hill Highway dan di sini saya

ingin minta penjelasan dengan secara mendalam daripada pihak kementerian dan juga kerajaan mengenai Projek Hidroelektrik Bakun. Bolehkah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos memberi penjelasan dengan lebih lanjut mengenai penangguhan projek terbabit memandangkan projek ini sudah terkenal bukan sahaja di Malaysia, di Sarawak dan di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai ahli back-bencher - sebagi penyokong kerajaan dapat membantu kerajaan untuk memberi maklumat dan menyebarkan dasar-dasar kerajaan yang terkini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan untuk mempertingkatkan jumlah golongan bumiputera kelas menengah sebelum tahun 2020. Ianya merupakan satu tindakan yang baik terutamanya di dalam usaha kerajaan menyusun semula negara ini melalui Dasar Ekonomi Negara. Sehubungan dengan ini, bolehkah sekiranya kementerian yang berkenaan menjelaskan bentuk dan strategi dan pelan tindakan dan peruntukan serta usaha yang telah dibuat dan akan dibuat untuk mencapai matlamat dan hasrat yang dilahirkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan saya ingin meminta supaya kementerian menerangkan pelan khusus untuk negeri Sarawak dan bumiputera di kawasan saya di kawasan Bukit Mas.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Belanjawan 1998, ingin saya merujuk kepada kadar caj ataupun fees, dengan izin, yang dikenakan kepada travel document ataupun passport. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Dalam Negeri dan juga ingin memohon kepada kerajaan agar mempertimbangkan kenaikan bayaran yang dikenakan ke atas passport antarabangsa yang sekarang ini dinaikkan dari RM145 dan RM265 ke RM300 dan RM600 untuk senaskhah. Ini memandangkan sebahagian besar masyarakat di kawasan saya di Bukit Mas iaitu Limbang, Lawas, berulang-alik ke Brunei membawa keluarga melancong dan juga bekerja di Brunei. Oleh sebab itu kenaikan bayaran untuk passport ini sememangnya tidak disenangi oleh masyarakat di kawasan saya. Adakah apa-apa cara bagi masyarakat Limbang, Lawas dan Miri pergi ke Brunei selain memakai atau menggunakan passport antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang dahulu di dalam penggal pertama, saya pernah bangkitkan perkara ini dan saya juga memberi contoh mengenai Singapura dan Johor Bahru. Di kawasan saya di Bukit Mas berdekatan dengan Brunei, passport

antarabangsa adalah satu passport yang boleh dikatakan seperti kad pengenalan. 65,000 orang mungkin 70% orang memiliki passport antarabangsa oleh kerana kalau kita melawat Brunei kita perlu memakai passport antarabangsa dan baru-baru ini, pagi tadi saya menerima satu rayuan melalui faks dihantar oleh setiausaha saya - dalam Internet pun ada cerita mengenai passport - passport cap 'tahari' dia orang cakap. Cap 'tahari' percakapan loghat bahasa daerah dan di sini di dalam Internet saya akan serahkan kepada kementerian - tolonglah kalau boleh kerana masyarakat ataupun rakyat yang miskin.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Sila gulung, Yang Berhormat.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** ....yang miskin dan menderit dan mereka cadang di sini RM300 itu untuk orang korporat macam RM3 tetapi untuk petani RM300 kalau 10 orang anak - orang petani banyak anak, RM3,000. Saya berharap dengan isi kandungan, kadang-kadang dia berkata di sini, minta 'Tan Sri' Mahathir bin Mohamad, 'Tan Sri' Anwar bin Ibrahim - semua salahlah Tuan Yang di-Pertua - minta dia orang kasi passport cap 'tahari', passport 'sandwich' untuk di Limbang.

Yang dasarnya Tuan Yang di-Pertua, mereka di sini mengatakan tidak puas hati dan bolehkah kerajaan atau Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Luar Negeri berhubung dengan Kerajaan Brunei untuk mewujudkan satu pas istimewa khas untuk orang Limbang, Miri dan Lawas berjalan ulang-alik ke Brunei.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, walaupun banyak yang kita ingin bangkitkan saya menyokong Belanjawan 1998. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Senai.

5.26 ptg.

**Datuk Lim Si Cheng [Senai]:** Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya bersama-sama dengan rakan saya menyokong terhadap Belanjawan yang telah dibentangkan pada 17 haribulan.

Beberapa tahun lagi kita akan memasuki abad ke-21. Abad ke-21 adalah zaman teknologi maklumat. Belanjawan 1998 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyatakan projek Koridor Raya Multimedia

(MSC) akan diteruskan. Keputusan kerajaan terhadap MSC ini adalah satu keputusan yang patut dibanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, agenda teknologi maklumat perlu dijadikan satu strategi utama bagi pembangunan negara. Rakyat faham dan berpengetahuan dalam bidang multimedia adalah diharapkan. Saya mengucapkan syabas dan tahniah dan berterima kasih kepada kerajaan atas peruntukan sebanyak RM400 juta akan disediakan untuk agensi-agensinya kerajaan membangunkan teknologi maklumat dan melaksanakan projek kerajaan elektronik dalam tahun 1998. Saya menyokong penuh terhadap cadangan kerajaan untuk menggalakkan semua keluarga memperolehi sebuah komputer dengan memberikan rebat cukai sebanyak RM400 bagi satu keluarga untuk membeli sebuah komputer peribadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini ingin saya cadangkan supaya peruntukan tambahan dapat disediakan untuk membekalkan komputer dan peralatan Internet untuk perpustakaan-perpustakaan awam supaya orang awam dapat mengikuti perkembangan dunia melalui Internet dan juga bilik-bilik guru di semua sekolah dalam negara kita untuk kegunaan para guru sama ada syarikat yang menganjurkan kursus teknologi maklumat ataupun telekomunikasi bagi kakitangan mereka mahupun

pembayar cukai sendiri yang mengikuti kursus seumpama ini, saya ingin mencadangkan supaya mereka ini dapat diberikan galakan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, guru adalah penting kepada negara kita. Sebagai tenaga penting kepada kerohanian dan jasmani rakyat, para guru perlu diperlengkapkan dengan kemudahan semasa. Kemudahan komputer bagi melicinkan lagi tugas mereka sebagai pendidik. Para guru yang ingin membeli komputer, saya ingin mencadangkan keseluruhan perbelanjaan ini harus dapat dikecualikan daripada cukai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, hari sudah suntuk, Yang Berhormat.

**Datuk Lim Si Cheng:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat diminta sambung besok ya.

**Datuk Lim Si Cheng:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Majlis mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*